



UNIVERSITI  
MALAYA



# STATUT-STATUT DAN KaedaH-Kaedah Universiti Malaya 2024

DISEDIAKAN OLEH  
BAHAGIAN PERUNDUNGAN  
UNIVERSITI MALAYA




# **STATUT-STATUT UNIVERSITI MALAYA 2024**

## **Tarikh Kuatkuasa Statut-Statut Universiti Malaya 2024**

Adalah dimaklumkan bahawa kesemua senarai Statut-Statut di bawah telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 13 Januari 2025.

1. Statut Universiti Malaya (Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut) 2024
2. Statut Universiti Malaya (Senat) 2024
3. Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Pengajian) 2024
4. Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik) 2024
5. Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2024
6. Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Kebajikan Pelajar) 2024
7. Statut Universiti Malaya (Dewan Asrama-Asrama) 2024
8. Statut Universiti Malaya (Badan-Badan Pelajar) 2024





MA LAYS IA

Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 69

13hb Januari 2025

No. 3

---

No. 857.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

STATUT UNIVERSITI MALAYA  
(FAKULTI, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI ATAU INSTITUT) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

**Nama**

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Penubuhan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut**

2. (1) Maka hendaklah ditubuhkan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut atau apa-apa nama sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dan disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Statut ini. Jadual Pertama kepada Statut ini boleh dipinda oleh Canselor dari semasa ke semasa.

**Keahlian Fakulti**

3. (1) Sesuatu Fakulti hendaklah terdiri daripada—
- (a) Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif yang hendaklah menjadi ketua Fakulti dan pengurus mesyuarat Fakulti;
  - (b) semua Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah atau Timbalan Pengarah Eksekutif;
  - (c) semua ketua jabatan Fakulti, ketua unit, ketua program atau ketua badan lain Fakulti;
  - (d) semua profesor dan profesor madya Fakulti, jika ada;
  - (e) semua pensyarah dan guru Fakulti; dan
  - (f) seorang wakil dari setiap jabatan pengajian yang dipilih oleh jabatan-jabatan berkenaan, yang akan memegang jawatan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun pada sesuatu masa.

**Keahlian Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut**

4. (1) Sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut hendaklah terdiri daripada—
- (a) seorang Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif bagi Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang hendaklah juga menjadi pengurus mesyuarat Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut itu;
  - (b) semua Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah atau Timbalan Pengarah Eksekutif;
  - (c) semua ketua jabatan, ketua unit, ketua program atau ketua badan lain Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut;
  - (d) semua profesor dan profesor madya Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, jika ada; dan
  - (e) semua pensyarah dan guru Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

**Kuasa dan kewajipan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut**

5. (1) Tanpa menjelaskan peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan Universiti, sesuatu Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut—

- (a) tertakluk kepada kelulusan dan arahan Senat, menyediakan kursus pengajian, kaedah pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan, mengadakan penilaian dan mengambil apa-apa langkah lain yang didapati perlu atau suai manfaat demi meningkatkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan;

- (b) melaksanakan kuasa yang diturunkan atau diwakilkan kepadanya oleh Senat;
- (c) menubuhkan jawatankuasa bagi maksud melaksanakan mana-mana kuasanya;
- (d) mengadakan hubungan dengan mana-mana institusi di dalam atau luar Malaysia bagi maksud meningkatkan kecemerlangan kesarjanaan; dan
- (e) membantu Universiti dalam perancangan pelan strategik dengan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik sesuai dengan visi dan misi Universiti.

**Ketua Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut**

6. (1) Naib Canselor hendaklah melantik, dari kalangan pekerja Universiti seperti mana di bawah subseksyen 24(4) Perlembagaan Universiti, seseorang untuk menjadi ketua Fakulti yang hendaklah dikenali sebagai “Dekan”.

(2) Naib Canselor hendaklah melantik, dari kalangan pekerja Universiti seperti mana di bawah subseksyen 24(5) Perlembagaan, seseorang untuk menjadi Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

(3) Ketua Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut boleh dikenali sebagai Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif.

(4) Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif hendaklah dilantik bagi tempoh tidak lebih daripada empat (4) tahun, tetapi adalah layak dilantik semula.

(5) Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi—

- (a) menjadi Pengerusi dalam mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut;
- (b) bertanggungjawab bagi pentadbiran, pengawasan dan arahan am pengajaran dan penyelidikan yang dijalankan oleh Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut serta menjalankan fungsi-fungsi lain yang mungkin diberi kepadanya oleh mana-mana statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan atau yang diwakilkan kepadanya oleh Naib Canselor;
- (c) menjalankan pengawasan am ke atas kakitangan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut;
- (d) mentafsirkan dan melaksanakan dasar-dasar Lembaga, Senat dan Mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut dan menyampaikan dasar-dasar itu kepada kakitangan Fakulti,

Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut supaya dipatuhi oleh mereka;

- (e) mengadakan garisan-garisan penyusunan kuasa dan tanggungjawab untuk mengintegrasikan perkhidmatan pentadbiran dengan fungsi-fungsi pengajaran dan penyelidikan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut;
- (f) menyediakan laporan tahunan mengenai aktiviti-aktiviti Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut untuk Lembaga;
- (g) menyediakan anggaran tahunan mengenai hasil dan perbelanjaan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut; dan
- (h) menjalankan apa-apa kuasa lain dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang diletak hak kepadanya oleh Naib Canselor.

#### **Kuasa Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif**

7. (1) Selain daripada yang dinyatakan di subperenggan 6(5), Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif hendaklah mempunyai apa-apa kuasa untuk melakukan semua perkara suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan tanggungjawabnya dan khususnya, tetapi tanpa menjelaskan peruntukan terdahulu, untuk menjalankan apa-apa kuasa lain dan menunaikan apa-apa tugas lain yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Naib Canselor atau Mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut dan/atau mana-mana statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

(2) Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif boleh mewakilkan mana-mana tanggungjawab, kuasa dan tugas kepada Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah, Timbalan Pengarah Eksekutif atau mana-mana pihak di dalam Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

#### **Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah atau Timbalan Pengarah Eksekutif**

8. (1) Naib Canselor hendaklah melantik, dari kalangan pekerja Universiti seperti mana di bawah subseksyen 24(4) Perlembagaan, sekurang-kurangnya seorang yang hendaklah dikenali sebagai "Timbalan Dekan".

(2) Naib Canselor hendaklah melantik, dari kalangan pekerja Universiti seperti mana di bawah subseksyen 24(5) Perlembagaan, sekurang-kurangnya seorang yang hendaklah dikenali sebagai Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah atau Timbalan Pengarah Eksekutif.

(3) Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah atau Timbalan Pengarah Eksekutif hendaklah dilantik bagi tempoh tidak lebih daripada empat (4) tahun, tetapi adalah layak dilantik semula.

(4) Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah atau Timbalan Pengarah Eksekutif hendaklah bertanggungjawab kepada Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif dan hendaklah—

- (a) membantu Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif dalam melaksanakan tanggungjawab, kuasa dan tugasnya;
- (b) menjalankan apa-apa tanggungjawab, kuasa dan tugas yang diwakilkan kepadanya oleh Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif; dan
- (c) menunaikan apa-apa tugas lain yang diarahkan kepadanya oleh Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif dan Mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

### **Ketua Jabatan**

9. (1) Naib Canselor hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang Ketua Jabatan di setiap Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, jika perlu.

(2) Ketua Jabatan hendaklah dilantik bagi tempoh tidak lebih daripada tiga (3) tahun, tetapi adalah layak dilantik semula.

(3) Ketua Jabatan hendaklah bertanggungjawab kepada Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif dan hendaklah—

- (a) membantu Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif dalam melaksanakan tanggungjawab kuasa dan tugasnya;
- (b) menjalankan apa-apa tanggungjawab, kuasa dan tugas yang diwakilkan kepadanya oleh Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif; dan
- (c) menunaikan apa-apa tugas lain yang diarahkan kepadanya oleh Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif dan Mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

### **Mesyuarat**

10. (1) Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut hendaklah bermesyuarat pada setiap bulan pada tarikh, masa, tempat dan mengikut agenda mesyuarat yang ditentukan oleh pengurus.

(2) Jika Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif tidak dapat hadir pada sesuatu mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, maka mesyuarat itu hendaklah dipengerusikan oleh Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah atau Timbalan Pengarah Eksekutif atau seorang ahli Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif, dan jika ahli yang diberi kuasa itu tidak hadir atau jika Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif tidak memberi kuasa bagi maksud itu kepada mana-mana ahli, maka mesyuarat itu hendaklah dipengerusikan oleh seorang ahli yang dipilih dari kalangan ahli-ahli yang hadir.

(3) Kuorum bagi mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut hendaklah tidak kurang satu pertiga (1/3) daripada jumlah keahliannya.

(4) Bagi maksud menentukan kuorum, mana-mana guru Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang sedang bercuti belajar, bercuti sabatikal, bercuti tanpa gaji, bercuti bagi apa-apa tempoh yang melebihi satu (1) bulan atau dipinjamkan ke mana-mana institusi atau badan luar Universiti tidak akan dikira sebagai ahli mesyuarat.

(5) Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut boleh mengundang mana-mana orang dari dalam atau luar Universiti yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bersesuaian untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud memberi pandangan kepada Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut tentang apa-apa perkara dalam bidang kuasa Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

#### **Setiausaha mesyuarat**

11. Pendaftar atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha bagi semua mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

#### **Notis mesyuarat**

12. Notis bagi sesuatu mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut hendaklah disampaikan secara bertulis oleh Setiausaha kepada anggota Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, atau Institut selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat diadakan.

#### **Tatacara mesyuarat**

13. Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut boleh menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri.

#### **Minit mesyuarat**

14. (1) Minit mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut hendaklah disimpan oleh Setiausaha mesyuarat.

(2) Minit mesyuarat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut hendaklah dikemukakan kepada Senat melainkan Senat memutuskan sebaliknya.

#### **Keesahan**

15. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh mana-mana orang yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

**Nama jawatan**

16. Walau apapun yang dinyatakan di dalam Statut ini, nama jawatan termasuk gelaran boleh diberi dengan apa-apa nama lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti.

**Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut sedia ada**

17. Mana-mana Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang telah ditubuhkan di bawah statut-statut seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama hendaklah disifatkan telah ditubuhkan di bawah Statut ini.

**Pembatalan**

18. Statut Universiti Malaya (Fakulti) 1981 dan statut-statut yang disenaraikan di dalam Jadual Kedua adalah dibatalkan.

Dibuat 9 Disember 2024.

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

JADUAL PERTAMA

1. Akademi Pengajian Islam
2. Akademi Pengajian Melayu
3. Fakulti Alam Bina
4. Fakulti Sains
5. Fakulti Kejuruteraan
6. Fakulti Pergigian
7. Fakulti Pendidikan
8. Fakulti Sastera dan Sains Sosial
9. Fakulti Perubatan
10. Fakulti Bahasa dan Linguistik
11. Fakulti Undang-Undang
12. Fakulti Perniagaan dan Ekonomi
13. Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
14. Fakulti Sukan & Sains Eksesais
15. Fakulti Seni Kreatif
16. Fakulti Farmasi
17. Institut Pengajian Termaju
18. Institut Asia-Eropah
19. Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan
20. Pusat Asasi Sains
21. Pusat Pendidikan Berterusan (UMCCed)

---

---

JADUAL KEDUA

1. Statute VI-The Faculty of Engineering (1964)
2. Statute VIII-The Faculty of Medicine (1964)
3. Statute XXV-The Faculty of Economics and Administration (1967)
4. Statute XXIV-The Faculty of Education (1967)
5. Statute VII-Fakulti Kejuruteraan (Penubuhan Jabatan) (1975)
6. Statute XXXVIII-Department of Islamic Studies Faculty of Arts (1971)
7. Statute XXXIX-The Faculty of Dentistry (1971)
8. Statute XLII-The Faculty of Law (1972)
9. Statute XL-Department of Anthropology and Sociology, Faculty of Arts (1972)
10. Statut IX-Jabatan-Jabatan Fakulti Sains (1975)-Statut Penubuhan Jabatan
11. Statut XXVIII-Statut Universiti Malaya (Penubuhan Jabatan-jabatan Fakulti Pendidikan) (1980)
12. Statut XXXI-Universiti Malaya (Penubuhan Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin) 1981
13. Statut XLIII-Statut Universiti Malaya (Akademi Islam) 1985
14. Statute XXXIII-Computer Centre (1970)
15. Statute XXXV-The Faculty of Medicine (1971)
16. Statute XLI-The Language Centre (1972)
17. Statute VIII-Pusat Kebudayaan (1975)
18. Statut XI-Pusat Asasi Sains (1976)
19. Statut XIV-Fakulti Sastera & Sains Sosial (1976)-Statut Penamaan Semula dari Fakulti Sastera ke Fakulti Sastera dan Sains Sosial
20. Statute V-Statut Universiti Malaya (Fakulti Pergigian) (1979)
21. Statut XXIV-Statut Universiti Malaya (Institut Pengajian Tinggi) 1979
22. Statut XXXVIII-Statut Universiti Malaya (Diploma Perakaunan dan Sarjana Muda Perakaunan) 1983
23. Statut XLIV-Statut Universiti Malaya (Pusat Sukan) 1986
24. Statut LIII-Statut Universiti Malaya (Akademi Pengajian Melayu) 1991
25. University of Malaya (Asia-Europe Institute) Statute 2002

**No. 858.**

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

STATUT UNIVERSITI MALAYA  
(SENAT) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

**Nama**

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Senat) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Keahlian**

2. (1) Senat hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) semua Timbalan Naib Canselor;
- (c) semua Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut dan semua Ketua Kampus Cawangan, atau apa-apa nama lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti;
- (d) tidak lebih daripada dua puluh (20) orang profesor sepenuh masa yang dipilih bagi tempoh tiga (3) tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti; dan
- (e) tidak lebih daripada lima (5) orang daripada Universiti yang hendaklah diko-opt oleh Naib Canselor selama tiga (3) tahun.

(2) Tertakluk kepada subperenggan 2(1)(d), tatacara pemilihan dan jumlah keahlian hendaklah ditentukan oleh Senat.

(3) Pendaftar atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha Senat.

(4) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.

**Tempoh keahlian ahli dipilih dan ahli diko-opt**

3. (1) Tempoh keahlian seseorang ahli dipilih dan ahli diko-opt hendaklah selama tiga (3) tahun.

(2) Ahli yang dipilih untuk mengisi kekosongan keahlian ahli dipilih, yang terhenti menjadi ahli menurut perenggan 2 Jadual Perlembagaan, hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh ahli yang terdahulu itu dipilih.

(3) Ahli yang diko-opt untuk mengisi kekosongan keahlian ahli diko-opt, yang terhenti menjadi ahli menurut perenggan 2 Jadual Perlembagaan, hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh ahli yang terdahulu itu diko-opt.

#### **Perletakan jawatan dan pembatalan pelantikan**

4. (1) Ahli dipilih atau ahli diko-opt boleh meletakkan jawatan dengan memberikan suatu notis satu (1) bulan secara bertulis kepada Pengerusi.

(2) Seseorang ahli Senat hendaklah terhenti daripada menjadi ahli sekiranya—

- (a) dia tidak menghadiri mesyuarat Senat tiga (3) kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Senat;
- (b) pelantikannya sebagai Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut atau Ketua Cawangan dibatalkan;
- (c) dia meletakkan jawatan tersebut; atau
- (d) dia hilang kelayakan di bawah perenggan 1, Jadual Perlembagaan.

#### **Fungsi dan Kuasa Senat**

5. Senat hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(3) dan subseksyen 22(6) Perlembagaan, dan termasuklah fungsi dan kuasa untuk—

- (a) menimbaangkan cadangan mengadakan statut baharu atau meminda statut atau membatalkan statut, menurut subseksyen 35(3) Perlembagaan;
- (b) memberikan arahan-arahan mengenai pengajaran dan penyelidikan;
- (c) memberikan arahan am mengenai kemudahan pengajaran dan penyelidikan lain di Universiti;
- (d) membuat perakuan kepada Lembaga mengenai semua perkara lain yang tidak ditugaskan secara khusus kepada mana-mana Pihak Berkuasa Universiti, selain daripada Senat dan Lembaga.

#### **Mesyuarat**

6. (1) Senat hendaklah mengadakan mesyuarat pada tarikh, masa dan tempat seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Senat.

(2) Dalam masa ketidakhadiran Pengerusi, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat.

(3) Kuorum Senat adalah satu pertiga (1/3) daripada jumlah ahlinya, tidak termasuk ahli *ex-officio* dan mana-mana orang yang dinyatakan di bawah subperenggan (4).

(4) Senat boleh mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat bagi memberi pandangan atau menasihati Senat tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang atau pelajar itu tidak berhak mengundi.

### Kuasa mewakilkan

7. (1) Senat boleh mewakilkan mana- mana kewajipan, fungsi atau tanggungjawabnya kepada ahli-ahlinya atau suatu jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahlinya.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), Senat boleh, sekiranya ia berpendapat perlu, menyemak mana-mana keputusan yang dibuat oleh pihak yang kepadanya ia telah mewakilkan kuasa dan boleh mengesahkan, membatalkan, mengubah atau meminta pihak itu menimbangkan semula keputusan itu.

### Pembatalan

8. Statut Universiti Malaya (Senat) 1997 adalah dibatalkan.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFULLAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

**No. 859.**

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

STATUT UNIVERSITI MALAYA  
(JAWATANKUASA PENGAJIAN) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

**Nama**

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Pengajian) 2024, dan hendaklah berkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Keanggotaan Jawatankuasa Pengajian**

2. Jawatankuasa Pengajian hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Senat—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi pengurus;
- (b) Timbalan Naib Canselor yang menjaga perkara-perkara akademik;
- (c) Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif atau ketua atau orang yang bertanggungjawab bagi jabatan, unit atau badan lain atau apa-apa nama lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang berhubungan dengannya Jawatankuasa Pengajian menjalankan mana-mana fungsinya;
- (d) seorang wakil Senat;
- (e) tidak lebih dari tiga (3) orang yang boleh dijemput terdiri daripada pensyarah, pakar dalam bidang dan/atau industri; dan
- (f) Penolong Pendaftar atau apa-apa nama lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti di Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut berkenaan sebagai Setiausaha.

**Fungsi Jawatankuasa Pengajian**

3. (1) Fungsi Jawatankuasa Pengajian adalah—

- (a) untuk menguruskan perkara-perkara akademik berkaitan dengan mana-mana Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut termasuk penggubalan kurikulum, pengenalan kursus baharu dan penubuhan atau penyusunan semula atau pengaturan semula mana-mana jabatan,

unit atau badan lain berkenaan dengan mana-mana Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut; dan

- (b) untuk menimbangkan cadangan bagi penubuhan suatu Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut baharu, dan kurikulumnya, yang dirujukkan kepadaanya oleh Senat.
- (2) Jawatankuasa Pengajian boleh mewakilkan mana-mana kewajipan, fungsi atau tanggungjawabnya kepada suatu jawatankuasa kecil yang ditubuhkan di mana-mana peringkat.
- (3) Walau apa pun subperenggan (2), Jawatankuasa Pengajian boleh, sekiranya ia berpendapat perlu, menyemak mana-mana keputusan yang dibuat oleh pihak yang kapadanya ia telah mewakilkan kuasa dan boleh mengesahkan, membatalkan, mengubah atau meminta pihak itu menimbangkan semula keputusan itu.

### **Kuorum mesyuarat**

4. Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa Pengajian hendaklah tiga (3), tidak termasuk ahli di dalam subperenggan 2(e).

### **Pembatalan**

5. Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Pengajian) 1998 adalah dibatalkan.

### **Kecualian Dan Peralihan**

6. (1) Segala perkara yang belum selesai di hadapan Jawatankuasa Pengajian yang dilantik di bawah Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Pengajian) 1998 hendaklah pada tarikh mula berkuatkuasanya Statut ini diteruskan di hadapan dan diselesaikan oleh Jawatankuasa Pengajian tersebut.

(2) Bagi maksud subperenggan (1) hendaklah dianggap seolah-olah Universiti Malaya (Jawatankuasa Pengajian) 1998 tidak dibatalkan.

(3) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengajian tentang perkara yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah diuruskan dengan sewajarnya oleh Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut atau Senat.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

**No. 860.**

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

## STATUT UNIVERSITI MALAYA

(JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHAK BERKUASA MELANTIK) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

**Nama**

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Keahlian Jawatankuasa**

2. (1) Keahlian Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik bagi maksud pelantikan ke sesuatu kursi dan pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Kanan dan Profesor hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengurus;
- (b) seorang ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;
- (c) dua (2) ahli Senat bertaraf Profesor yang dilantik oleh Senat; dan
- (d) Dekan, Pengarah, Pengarah Eksekutif Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut atau apa-apa nama lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang baginya kursi itu diuntukkan.

(2) Keahlian Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya dan guru (selain daripada jawatan Profesor Kanan atau Profesor) atau yang bersamaan dengannya di bawah mana-mana skim perkhidmatan yang diterima pakai oleh Universiti, hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut yang dilantik oleh Lembaga—

- (a) Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab bagi hal ehwal akademik yang hendaklah menjadi Pengurus;
- (b) tiga (3) ahli Senat bertaraf Profesor; dan

(c) Dekan, Pengarah, Pengarah Eksekutif Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut atau apa-apa nama lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang baginya jawatan itu diuntukkan.

(3) Keahlian Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Seorang ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga; dan
- (c) dua (2) ahli Senat bertaraf Profesor yang dilantik oleh Senat.

(4) Keahlian Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Lembaga—

- (a) Pelantikan dan kenaikan pangkat pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional bagi N9 hingga N13 atau apa-apa gred jawatan yang setaraf:
  - (i) Pendaftar hendaklah menjadi Pengerusi;
  - (ii) dua (2) orang profesor yang dilantik oleh Naib Canselor; dan
  - (iii) Ketua Jabatan atau Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj).
- (b) Sekiranya Pendaftar tidak dapat mempengerusikan Jawatankuasa tersebut, salah seorang profesor yang dilantik di bawah subperenggan 2(4)(a)(ii) hendaklah menjadi Pengerusi.
- (c) Pelantikan dan kenaikan pangkat pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional bagi N14 atau apa-apa gred jawatan yang setaraf:
  - (i) Pendaftar yang hendaklah menjadi Pengerusi;
  - (ii) tiga (3) profesor yang dilantik oleh Naib Canselor; dan
  - (iii) seorang ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.

(5) Keahlian Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat pekerja Universiti dalam kumpulan sokongan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Pengurusan Universiti:

- (a) Pendaftar atau wakilnya dalam kalangan pegawai atau pekerja Universiti yang hendaklah menjadi Pengerusi; dan

(b) tiga (3) pegawai atau pekerja Universiti.

### **Setiausaha**

3. Pengerusi hendaklah melantik seorang Setiausaha dalam kalangan pegawai atau pekerja Universiti.

### **Laporan Penilaian Penilai Luar**

4. (1) Bagi maksud pelantikan ke suatu Kursi, dan pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Kanan dan Profesor, Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik hendaklah menimbang laporan penilaian daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang penilai luar.

(2) Bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya, Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik hendaklah menimbang laporan penilaian daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang penilai luar.

(3) Senarai calon yang layak berserta kenyataan kelayakan calon itu hendaklah diberikan kepada penilai luar itu.

(4) Senarai calon itu boleh juga mengandungi nama orang yang tidak memohon jawatan itu tetapi yang difikirkan layak oleh Pihak Berkuasa Universiti untuk dipertimbangkan.

(5) Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik tidak boleh membuat apa-apa pemilihan sehingga ia telah menerima dan mempertimbangkan laporan mengenai calon itu daripada penilai luar itu.

(6) Penilai luar itu boleh, dalam laporannya kepada Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik, memberikan nama dan penilaian orang lain yang tidak disebutkan dalam senarai calon yang dikemukakan kepada pakar luar itu di bawah subperenggan (3) atau (4) untuk pertimbangan perlantikan atau kenaikan pangkat.

### **Panggilan menghadiri mesyuarat**

5. Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik boleh memanggil mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat bagi menasihatiinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak mengundi (*ex-officio*).

### **Kuorum mesyuarat**

6. Kuorum bagi semua mesyuarat Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik hendaklah terdiri daripada tiga (3) orang ahli termasuk Pengerusi.

7. Tempoh pelantikan bagi ahli-ahli semua Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik ialah tiga (3) tahun, kecuali *ex-officio*.

**Pelantikan dan kenaikan pangkat**

8. (1) Pelantikan ke suatu jawatan kursi dan pelantikan atau kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor Kanan dan Profesor hendaklah dibuat oleh Lembaga atas nasihat Jawatankuasa yang berkenaan.

(2) Pelantikan dan kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor Madya dan guru (selain daripada jawatan Profesor Kanan atau Profesor) atau yang bersamaan dengannya di bawah mana-mana skim perkhidmatan yang diterima pakai oleh Universiti hendaklah dibuat oleh Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab bagi hal ehwal akademik atas nasihat Jawatankuasa yang berkenaan.

(3) Keahlian Jawatankuasa bagi maksud pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah dibuat oleh Lembaga atas nasihat Jawatankuasa yang berkenaan.

(4) Pelantikan dan kenaikan pangkat bagi pekerja Universiti selain daripada yang disebut di subperenggan (1), (2) dan (3) hendaklah dibuat oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai kanan Universiti atas nasihat Jawatankuasa yang berkenaan.

(5) Surat cara pelantikan dan kenaikan pangkat yang dibuat di bawah Statut ini hendaklah ditandatangani oleh pegawai-pegawai sepertimana dinyatakan di dalam subperenggan 8(1), (2) dan (3).

9. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik yang menjalankan fungsinya sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

**Pembatalan**

10. Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa-Jawatankuasa Pemilih) 1997 adalah dibatalkan.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

No. 861.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

STATUT UNIVERSITI MALAYA  
(PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

**Nama**

1. Statut ini boleh dinamakan Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Fakulti” ertinya Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Fakulti Farmasi;

“Guru” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaya, dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, felo, penolong profesor, reader, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi, dan tutor;

“Kakitangan” ertinya semua kategori kakitangan yang bekerja di Pusat Perubatan Universiti Malaya kecuali guru;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti Malaya;

“Lembaga Pengurus” ertinya Lembaga Pengurus yang ditubuhkan dibawah subperenggan 4(1);

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Universiti Malaya;

“Pengarah” ertinya Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya yang dilantik dibawah subperenggan 10(1);

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga Pengurus;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya;

“Pusat Perubatan Universiti Malaya” ertinya Pusat Perubatan Universiti Malaya yang ditubuhkan oleh Universiti;

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

### **Objektif Pusat Perubatan Universiti Malaya**

3. Objektif Pusat Perubatan Universiti Malaya adalah seperti berikut—

- (a) mengendalikan dan membangunkan pusat perubatan yang bertaraf dan berkedudukan antarabangsa;
- (b) bekerjasama dengan Fakulti dalam mengadakan kemudahan-kemudahan bagi pendidikan, latihan, penyelidikan, pensiswazahan dan perundingan perubatan;
- (c) untuk menjadi sebahagian daripada komitmen keadilan sosial kerajaan Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan perubatan bersubsidi kepada golongan yang memerlukan;
- (d) untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang bermutu tinggi bagi pesakit-pesakit dalam dan pesakit-pesakit luar;
- (e) untuk menjadi sebuah pusat rujukan utama yang memberi perkhidmatan diagnostik dan rawatan;
- (f) untuk mengadakan kemudahan-kemudahan bagi kerjasama dalam pelajaran perubatan siswa dengan memasukkan konsep-konsep moden yang disesuaikan dengan keperluan khas di Malaysia.

### **Lembaga Pengurus**

4. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Pengurus yang hendaklah menjadi suatu Pihak Berkuasa Universiti di bawah seksyen 16 Perlembagaan yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor sebagai Pengerusi;
- (b) Seorang ahli Lembaga yang dilantik dari kalangannya;
- (c) Pengarah;
- (d) Dekan Fakulti Perubatan;
- (e) Dekan Fakulti Pergigian;
- (f) Dekan Fakulti Farmasi;
- (g) Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakilnya;

(h) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi atau wakilnya; dan

(i) Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan atau wakilnya.

(2) Semasa apa-apa tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi, Lembaga hendaklah membuat suatu pelantikan untuk mengisi kekosongan itu secepat mungkin yang dapat dilaksanakan.

(3) Sekiranya Pengerusi atau ahli Lembaga terhenti daripada menjadi anggota Lembaga, pelantikannya di dalam Lembaga Pengurus turut terhenti;

(4) Timbalan Pengarah (Pengurusan) hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga Pengurus.

(5) Kecuali Timbalan Pengarah (Pengurusan), semua Timbalan Pengarah, Ketua Akauntan dan Pegawai Undang-Undang Pusat Perubatan Universiti Malaya hendaklah menjadi ahli *ex-officio* tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga Pengurus.

### **Mesyuarat**

5. (1) Lembaga Pengurus hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua (2) bulan pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Lembaga Pengurus.

(3) Setiausaha hendaklah memberi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari notis bertulis kepada anggota Lembaga Pengurus tentang sesuatu mesyuarat Lembaga Pengurus.

(4) Pengerusi hendaklah mempengerusikan sesuatu mesyuarat Lembaga Pengurus.

(5) Semasa ketiadaan Pengerusi di sesuatu mesyuarat Lembaga Pengurus, anggota yang hadir hendaklah memilih di antara mereka, selain Pengarah, untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(6) Tiap-tiap anggota Lembaga Pengurus yang hadir berhak mendapat satu undi.

(7) Pengerusi mempunyai suatu undi asal dalam sesuatu mesyuarat dan adalah juga berhak memberi suatu undi pemutus, dalam keadaan bilangan undi adalah sama banyak.

### **Tatacara**

6. Tertakluk kepada Statut ini, Lembaga Pengurus hendaklah menetapkan tatacaranya sendiri.

**Kuorum**

7. Kuorum apa-apa mesyuarat Lembaga Pengurus ialah lima (5) orang.

**Minit**

8. Minit mesyuarat Lembaga Pengurus hendaklah dikemukakan kepada Lembaga oleh Setiausaha Lembaga Pengurus tidak lebih daripada tujuh (7) hari daripada tarikh setiap mesyuarat.

**Kuasa dan tugas Lembaga Pengurus**

9. (1) Tertakluk kepada kuasa yang diwakilkan oleh Lembaga menurut subseksyen 60(1) Perlembagaan, Lembaga Pengurus hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga dan mematuhi apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa serta bertanggungjawab bagi pengurusan dan pentadbiran Pusat Perubatan Universiti Malaya. Lembaga Pengurus hendaklah mempunyai kuasa dan tugas yang berikut—

- (a) menyediakan laporan tahunan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Pusat Perubatan Universiti Malaya untuk kelulusan Lembaga;
- (b) bertanggungjawab kepada Lembaga bagi semua polisi kewangan berkenaan dengan kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya yang diluluskan;
- (c) menimbangkan dan meluluskan polisi yang berhubungan dengan pengajaran, latihan, penyelidikan dan perkhidmatan kesihatan pesakit di Pusat Perubatan Universiti Malaya;
- (d) menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa utama sebagaimana dan apabila perlu untuk membantu Lembaga Pengurus melaksanakan fungsi-fungsinya;
- (e) melantik, menamatkan, menaikkan pangkat kakitangan Pusat Perubatan Universiti Malaya, dan mengesahkan atau menamatkan pelantikan mana-mana kakitangan Pusat Perubatan Universiti Malaya dalam percubaan selepas berunding bersama Pendaftar;
- (f) mencadangkan semua peraturan dan peruntukan yang berkaitan dengan terma dan syarat pekerjaan kakitangan Pusat Perubatan Universiti Malaya termasuk skim perkhidmatan, skala gaji, cuti dan elaun untuk kelulusan Lembaga;
- (g) membentarkan pembayaran pampasan bagi guru atau apa-apa nama gelaran yang diberi dan orang lain yang memberikan perkhidmatan kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya;
- (h) menuntut dan menerima apa-apa fi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengurus dari semasa ke semasa;
- (i) menubuhkan unit-unit sebagaimana dan apabila perlu bagi mencapai objektif Pusat Perubatan Universiti Malaya;

- (j) membuat semua perkara lain yang bersampingan dengan dan selaras dengan kuasanya di bawah Statut ini;
- (k) membuat pengesyoran kepada Lembaga mengenai anggaran tambahan yang dikehendaki dalam sesuatu tahun kewangan bagi menjalankan tadbir urus Pusat Perubatan Universiti Malaya;
- (l) mengemukakan anggaran tahunan pendapatan dan perbelanjaan Pusat Perubatan Universiti Malaya bagi kelulusan Lembaga;
- (m) membuat dan menimbaangkan garisan penyusunan kuasa dan tanggungjawab untuk menyatupadukan perkhidmatan pentadbiran dengan pengajaran dan rawatan pesakit.

(2) Bagi maksud perenggan ini, “unit-unit” ertiinya suatu jabatan atau unit organisasi yang menjalankan perkhidmatan yang menghasilkan output melalui penggunaan input yang berkesan.

### Pengarah

10. (1) Naib Canselor hendaklah melantik Pengarah yang hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga Pengurus yang mana kuasa dan tugasnya adalah seperti berikut—

- (a) bertanggungjawab bagi pentadbiran Pusat Perubatan Universiti Malaya mengikut peruntukan Statut ini dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pengurus;
- (b) menjalankan pengawalseliaan kakitangan;
- (c) mentafsir dan menyampaikan polisi Lembaga Pengurus kepada kakitangan dan memastikan supaya polisi-polisi ini dipatuhi oleh kakitangan;
- (d) menyediakan anggaran tahunan pendapatan dan perbelanjaan Pusat Perubatan Universiti Malaya bagi pertimbangan Lembaga Pengurus dan kelulusan Lembaga;
- (e) memastikan supaya akaun Pusat Perubatan Universiti Malaya diaudit tiap-tiap tahun oleh juruaudit Universiti;
- (f) menubuhkan jawatankuasa kerja dari semasa ke semasa untuk melaksanakan objektif Pusat Perubatan Universiti Malaya;
- (g) melantik dan menamatkan perkhidmatan kakitangan sementara;
- (h) menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi; dan
- (i) menyempurnakan, bagi pihak Universiti, apa-apa kontrak, suratcara atau dokumen perundangan berkenaan dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya sebagaimana yang diwakilkan secara am atau khusus oleh Naib Canselor.

(2) Jika jawatan Pengarah kosong, atau jika Pengarah, atas apa-apa sebab, tidak hadir atau tidak boleh melaksanakan fungsi Pengarah, Naib Canselor hendaklah melantik mana-mana pegawai lain untuk melaksanakan fungsi Pengarah.

### **Timbalan Pengarah**

11. Naib Canselor hendaklah melantik Timbalan-Timbalan Pengarah yang hendaklah bertanggungjawab kepada Pengarah serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

### **Ketua Unit**

12. (1) Seseorang guru yang dilantik sebagai Timbalan Dekan, atau ketua bagi mana-mana jabatan Fakulti boleh mengetuai suatu unit yang serupa di Pusat Perubatan Universiti Malaya.

(2) Bagi maksud perenggan ini, “unit yang serupa” ertiinya suatu unit di Pusat Perubatan Universiti Malaya yang tugas dan tanggungjawab Pusat itu serupa dengan suatu jabatan di Universiti Malaya.

### **Pembatalan**

13. Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000 adalah dibatalkan.

### **Peruntukan kecualian dan peralihan**

14. (1) Semua surat cara, surat ikatan, hak milik, dokumen, bon, perjanjian dan perkiraan kerja hendaklah, apabila mula berkuat kuasanya Statut ini:

(a) disifatkan telah dibuat di bawah Statut ini; dan

(b) terus berkuat kuasa dan dilaksanakan.

(2) Semua perintah, notis, borang dan surat pemberikuasaan yang dikeluarkan atau yang dibuat di bawah Statut yang dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa setakat yang perintah, notis, borang dan surat pemberikuasaan itu tidak tak selaras dengan peruntukan Statut ini.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

13hb Jan. 2025]

675

No. 862.

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

#### STATUT UNIVERSITI MALAYA (JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

#### **Nama**

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Kebajikan Pelajar) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

#### **Keahlian Jawatankuasa**

2. Jawatankuasa Kebajikan Pelajar hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengurus;
- (b) Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar;
- (c) seorang ahli yang dilantik dalam kalangan Lembaga Pengarah Universiti;
- (d) seorang ahli Senat; dan
- (e) dua (2) orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar.

#### **Fungsi Jawatankuasa**

3. (1) Fungsi Jawatankuasa hendaklah termasuk yang berikut—

- (a) mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kebajikan pelajar serta menasihati Naib Canselor dan Pihak Berkuasa Universiti yang lain mengenainya;
- (b) mencadangkan dan melaksanakan polisi Universiti berkaitan kebajikan pelajar yang merangkumi aspek-aspek berikut:
  - (i) pembangunan sahsiah pelajar;

- (ii) persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif;
  - (iii) kemudahan penginapan, pengangkutan dan perhubungan;
  - (iv) kesihatan dan keselamatan; dan
  - (v) rekreasi dan riadah.
- (c) memperakukan polisi berkaitan bantuan kewangan pelajar Universiti; dan
- (d) memperakukan penubuhan tabung amanah kebajikan dan pembangunan pelajar.
- (2) Jawatankuasa boleh merujuk mana-mana perkara di dalam subperenggan (1)(a) hingga (d) kepada pihak berkuasa Universiti untuk kelulusan, jika perlu.

### **Mesyuarat Jawatankuasa**

4. (1) Jawatankuasa Kebajikan Pelajar hendaklah mengadakan mesyuarat pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.
- (2) Kuorum untuk sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Pelajar hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang bilangan ahlinya.
- (3) Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang untuk turut hadir dalam sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Pelajar tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Jawatankuasa.

### **Setiausaha Jawatankuasa**

5. Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Pelajar hendaklah melantik mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang bertanggungjawab dengan hal ehwal pelajar menjadi Setiausaha Jawatankuasa Kebajikan Pelajar.

### **Pembatalan**

6. Statut Universiti Malaya (Lembaga Kebajikan Pelajar-Pelajar) 1978 adalah dibatalkan.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

**No. 863**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

STATUT UNIVERSITI MALAYA  
(DEWAN ASRAMA-ASRAMA) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

**Nama**

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Dewan Asrama-Asrama) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Dewan” ertinya Dewan Asrama-Asrama Universiti Malaya;

“Ketua Kolej Kediaman” ertinya individu yang dilantik sebagai Ketua atau Pengetua Kolej Kediaman;

“Kolej Kediaman” ertinya mana-mana Kolej Kediaman Universiti Malaya;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti Malaya;

“Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti Malaya;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya;

“Senat” ertinya Senat Universiti Malaya.

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

**Keahlian Dewan**

3. (1) Dewan Asrama-Asrama hendaklah terdiri daripada—

(a) Naib Canselor sebagai Pengerusi;

(b) Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) sebagai Naib Pengerusi;

- (c) Bendahari Universiti;
  - (d) Pendaftar; dan
  - (e) Ketua-Ketua Kolej Kediaman bagi kesemua Kolej Kediaman.
- (2) Mana-mana individu lain boleh dijemput untuk menghadiri mesyuarat oleh Dewan, tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Dewan.
- (3) Pengerusi hendaklah melantik mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang bertanggungjawab dengan hal-hal pelajar menjadi Setiausaha Dewan.

### Kuasa dan Tugas Dewan

4. Dewan Asrama-Asrama dengan ini diberi kuasa:

- (a) Untuk mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan Kolej Kediaman termasuk isu sahsiah pelajar dan untuk menasihati Lembaga dan Senat mengenainya;
- (b) Untuk menerima anggaran tahunan hasil dan perbelanjaan setiap Kolej Kediaman dan mengemukakannya kepada Lembaga bersama ulasan Dewan;
- (c) Untuk membahagikan kepada Kolej Kediaman apa-apa geran kewangan yang disediakan oleh Lembaga;
- (d) Untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana dan apabila perlu untuk membantu Dewan melaksanakan fungsi-fungsinya; dan
- (e) Untuk menjalankan apa-apa kuasa dan fungsi yang mungkin diwakilkan oleh Lembaga kepada Dewan;

### Mesyuarat

5. Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang boleh dibuat oleh Dewan, tarikh, tempat dan masa mesyuarat hendaklah ditetapkan oleh Pengerusi.
6. Dewan boleh membuat peraturan-peraturannya sendiri berkenaan tatacara Mesyuarat.
7. Minit mesyuarat Dewan hendaklah diedarkan kepada Lembaga.

**Pembatalan**

8. *Statute XX – College Delegacy 1964* adalah dibatalkan.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

No. 864.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 PERLEMBAGAAN

UNIVERSITI MALAYA

STATUT UNIVERSITI MALAYA  
(BADAN-BADAN PELAJAR) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Badan-Badan Pelajar) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.
2. Dalam Statut ini melainkan kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Borang” ertinya Borang yang disediakan dan ditentukan oleh pihak berkuasa Universiti dari semasa ke semasa;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti Malaya;

“Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti Malaya;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Badan-badan Pelajar yang disebut dalam perenggan 16;

“Statut” termasuk Perlembagaan suatu badan pelajar sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Universiti;

“Timbalan Naib Canselor” ertinya Timbalan Naib Canselor yang menguruskan hal ehwal pelajar;

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN BADAN PELAJAR

3. (1) Jika sepuluh orang atau lebih daripada sepuluh orang pelajar Universiti berhasrat menubuhkan suatu badan pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti bagi menggalakkan sesuatu tujuan atau kepentingan tertentu di dalam Universiti di bawah seksyen 58 Perlembagaan Universiti, mereka hendaklah mengemukakan permohonan kepada Naib Canselor melalui Timbalan Naib Canselor mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Universiti.

(2) Perlembagaan sesuatu badan pelajar hendaklah seperti yang ditetapkan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Universiti.

4. (1) Apabila menerima sesuatu permohonan di bawah perenggan 3, Timbalan Naib Canselor boleh menubuhkan jawatankuasa yang hendaklah membuat segala siasatan yang difirkannya perlu dan tanpa menyentuh keluasan kuasa-kuasanya berkenaan ini, ia boleh membuat siasatan berkaitan dengan perkara-perkara yang berikut—

- (a) sama ada tujuan atau kepentingan yang dicadangkan itu atau tujuan atau kepentingan yang seumpamanya sedang diperjuangkan oleh mana-mana badan pelajar yang sedia ada;
- (b) sama ada tujuan atau kepentingan yang dicadangkan itu cukup jelas dan khusus;
- (c) sama ada tujuan atau kepentingan yang dicadangkan itu akan digalakkan di dalam Universiti;
- (d) sama ada tujuan atau kepentingan yang dinyatakan itu pada hakikatnya adalah yang sebenarnya;
- (e) sama ada tujuan atau kepentingan yang dicadangkan itu akan berkaitan dan berfaedah kepada kemajuan yang wajar bagi ahli- ahlinya berhubung dengan kehidupan akademik mereka atau dengan perkembangan sahsiah yang sempurna;
- (f) sama ada badan pelajar yang dicadangkan itu boleh bergerak di kalangan dan mendapat ahli-ahli dan sokongan daripada sebilangan besar pelajar-pelajar yang berkaitan dengan tujuan atau kepentingan yang dicadangkan itu;
- (g) sama ada kelayakan-kelayakan yang dicadangkan bagi ahli-ahli adalah adil, munasabah, berkaitan dengan tujuan atau kepentingan yang dicadangkan, dan tidak mengecualikan mana-mana kategori pelajar-pelajar yang berkaitan dengan tujuan atau kepentingan tersebut atau memasukkan mereka yang tidak berkaitan dengannya;
- (h) sama ada aktiviti-aktiviti yang akan diperjuangkan oleh badan pelajar yang dicadangkan itu akan mendatangkan mudarat kepada kepentingan pelajar, atau mana-mana golongan pelajar, atau kepentingan Universiti;
- (i) sama ada pemohon-pemohon mempunyai atau mungkin mempunyai kepentingan-kepentingan atau ikatan-ikatan yang mendatangkan mudarat kepada keselamatan, ketenteraman atau tatatertib; dan
- (j) anggaran perbelanjaan yang akan dilakukan oleh Universiti untuk menubuh dan menguruskan badan pelajar yang dicadangkan itu.

- (2) Timbalan Naib Canselor boleh, jika difikirkannya perlu:
- (a) menemuduga mana-mana pemohon atau mana-mana pelajar lain; dan
  - (b) meminta pemohon atau mana-mana pelajar tersebut memberi apa-apa maklumat tentang keperluan penubuhan badan pelajar tersebut dan tentang kemampuannya untuk bergerak maju.
5. (1) Apabila Timbalan Naib Canselor telah selesai membuat siasatannya di bawah perenggan 4, beliau hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Naib Canselor bersama dengan satu laporan mengenai siasatan yang telah dibuat dan syor-syor berkenaan dengan penubuhan badan pelajar itu.
- (2) Syor-syor Timbalan Naib Canselor di bawah perenggan ini boleh termasuk suatu cadangan—
- (a) supaya suatu badan pelajar dengan nama yang lain daripada yang dicadangkan ditubuhkan oleh pemohon-pemohon;
  - (b) supaya tujuan atau kepentingan yang dicadangkan bagi badan pelajar itu atau kelayakan bagi ahli-ahlinya diubah suai; atau
  - (c) supaya penubuhan badan pelajar itu diluluskan tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat.
6. Naib Canselor boleh, sebelum membuat keputusan mengenai sesuatu permohonan yang dikemukakan kepadanya di bawah perenggan 5, mengembalikan semula permohonan itu kepada Timbalan Naib Canselor untuk:
- (a) membuat siasatan lanjut; dan
  - (b) mengemukakan laporan lanjut sama ada secara am atau mengenai perkara-perkara tertentu, sebagaimana difikirkan patut oleh Naib Canselor.
7. (1) Jika Naib Canselor meluluskan permohonan tersebut, beliau boleh meluluskannya tertakluk kepada apa-apa had dan syarat yang difikirkannya patut.
- (2) Dalam meluluskan sesuatu permohonan di bawah subperenggan (1), Naib Canselor boleh menetapkan penubuhan badan pelajar tersebut bersifat sementara sahaja dan hanya akan disahkan apabila Timbalan Naib Canselor melaporkan kepada Naib Canselor dalam suatu tempoh yang ditetapkan bahawa beliau berpuas hati yang sebilangan pelajar yang memadai berkaitan dengan tujuan atau kepentingan khusus yang ingin dimajukan oleh badan pelajar itu telah menjadi ahlinya.
- (3) Pada meluluskan permohonan tersebut, Naib Canselor hendaklah menentukan tarikh mula berkuatkuasanya penubuhan badan pelajar itu.

8. Naib Canselor hendaklah menyampaikan keputusannya kepada Timbalan Naib Canselor yang hendaklah pula menyampaikan keputusan tersebut kepada pemohon secara bertulis.

9. (1) Apabila diberitahu mengenai kelulusan Naib Canselor tentang permohonan tersebut, pemohon-pemohon, yang mana hendaklah disifatkan sebagai ahli-ahli pertama badan pelajar itu, hendaklah menetapkan tarikh mesyuarat untuk memilih pemegang-pemegang jawatannya yang pertama, iaitu Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari, dan lain-lain pemegang jawatan yang dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.

(2) Pendaftar hendaklah hadir dalam mesyuarat yang disebut dalam subperenggan (1) dan mengawasinya.

### BAHAGIAN III

#### PENTADBIRAN

10. Naib Canselor boleh dari semasa ke semasa meminta Timbalan Naib Canselor memberi kepadanya apa-apa maklumat yang dikehendakinya mengenai mana-mana badan pelajar.

11.(1) Timbalan Naib Canselor boleh dari semasa sama ada atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Naib Canselor mengarahkan;

- (a) badan pelajar, atau mana-mana pemegang jawatan;
- (b) mana-mana ahli badan pelajar; atau
- (c) mana-mana ahli jawatankuasa *ad hoc* badan pelajar,

memberikan apa-apa maklumat yang dikehendakinya dalam tempoh yang ditetapkan atau seberapa segera yang praktik.

12.(1) Timbalan Naib Canselor boleh menghendaki:

- (a) mana-mana pemegang jawatan;
- (b) ahli badan pelajar;
- (c) mana-mana jawatankuasa *ad hoc*; atau
- (d) mana-mana pelajar lain,

hadir di hadapannya pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan untuk menjawab apa-apa pertanyaan mengenai badan pelajar itu.

13.(1) Timbalan Naib Canselor boleh menghendaki mana-mana:

- (a) pemegang jawatan;

- (b) ahli badan pelajar;
- (c) mana-mana jawatankuasa *ad hoc*;
- (d) mana-mana pelajar lain

supaya hadir dan/atau mengemukakan kepadanya:

- (i) apa-apa minit;
- (ii) buku;
- (iii) akaun;
- (iv) rekod
- (v) barang atau harta,

yang disenggara, digunakan atau disimpan oleh, atau secara lain berkaitan dengan hal ehwal, badan pelajar, Majlis Eksekutif badan pelajar, atau jawatankuasa *ad hoc* badan pelajar.

(2) Timbalan Naib Canselor juga boleh menguruskan dokumen-dokumen, barang atau harta seperti yang dinyatakan di subperenggan 13(1)(i) hingga (v) dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut, atau memberi apa-apa petunjuk atau arahan yang difikirkannya perlu.

14. Bagi maksud Statut ini, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor atau Pendaftar boleh dari semasa ke semasa meminta sesuatu badan pelajar, Majlis Eksekutifnya, mana-mana jawatankuasa *ad hoc*nya, mana-mana pemegang jawatan atau ahli badan pelajar bertindak atas sesuatu, atau memberi apa-apa arahan atau petunjuk kepadanya sebagaimana yang difikirkан perlu.

### **Pembubaran atau Penggantungan**

15. (1) Naib Canselor boleh mengarahkan supaya suatu badan pelajar tersebut dibubarkan atau digantungkan sama ada dengan serta merta atau mulai dari suatu tarikh yang ditentukan oleh Naib Canselor, jika Naib Canselor berpuas hati bahawa:

- (a) penerusan badan pelajar tersebut adalah bukan untuk kepentingan ahli-ahli badan pelajar, pelajar-pelajar Universiti atau Universiti;
- (b) sesuatu badan pelajar telah gagal mendapat dan mengekalkan keanggotaan yang dinyatakan di bawah Statut ini atau syarat-syarat kelulusan penubuhannya berkaitan keanggotaan minima yang telah ditetapkan oleh Naib Canselor;
- (c) sesuatu badan pelajar telah tidak begitu aktif dalam memajukan tujuan atau kepentingannya;

- (d) sesuatu badan pelajar telah menyeleweng daripada tujuan atau kepentingannya yang telah ditentukan; atau
- (e) sesuatu badan pelajar telah—
  - (i) melanggar; atau
  - (ii) bertanggungjawab atas atau menjadi pendorong dalam, atau dengan apa-apa cara membantu dalam pelanggaran

mana-mana peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti, Statut ini, Perlembagaannya, statut-statut, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau mana-mana undang-undang bertulis lain, sama ada berkaitan dengan Universiti atau selainnya.

(2) Jika Naib Canselor mengarahkan pembubaran atau penggantungan sesuatu badan pelajar di bawah subperenggan (1), beliau boleh memberi apa-apa arahan berbangkit yang difikirkannya perlu.

(3) Peruntukan subperenggan (1) dan (2) tidak boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 16 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan seksyen 59 Perlembagaan Universiti.

(4) Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada bilangan ahli sesuatu badan pelajar boleh memberitahu Pendaftar secara notis bertulis dengan disalinkan kepada Setiausaha badan pelajar itu, bahawa mereka berkehendakkan badan pelajar yang mereka anggotai itu dibubarkan.

(5) Apabila Pendaftar menerima notis bertulis di bawah subperenggan (4), Pendaftar boleh, selepas menjalankan penyiasatan yang difikirkannya patut memanggil suatu mesyuarat agung bagi badan pelajar tersebut dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada sepuluh (10) hari kepada ahli-ahlinya, untuk memutuskan sama ada badan pelajar itu boleh dibubarkan. Jika diputuskan di dalam mesyuarat agung tersebut supaya badan pelajar itu dibubarkan, badan pelajar itu hendaklah terbubar mulai dari tarikh yang diputuskan oleh mesyuarat agung tersebut.

(6) Pendaftar hendaklah hadir dan mengawasi mesyuarat agung yang dipanggil olehnya di bawah subperenggan (4).

(7) Jika sesuatu badan pelajar dibubarkan di bawah subperenggan (5), Pendaftar hendaklah memberitahu Naib Canselor mengenainya.

#### BAHAGIAN IV

##### PENDAFTARAN DAN REKOD

16.(1) Maka hendaklah ada seorang Pendaftar Badan-badan Pelajar yang terdiri daripada seorang pegawai sepenuh masa Universiti dan mempunyai kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang ditentukan dalam Statut ini atau, dari semasa ke semasa, diarahkan oleh Timbalan Naib Canselor atau Naib Canselor.

(2) Naib Canselor boleh jika difikirkannya sesuai, menamakan Pendaftar, seorang Timbalan Pendaftar, atau seorang Penolong Pendaftar Universiti sebagai Pendaftar Badan-badan Pelajar.

17. Pendaftar hendaklah bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor dan menjalankan kuasa-kuasanya, melaksanakan fungsi-fungsinya dan menyempurnakan tugas-tugasnya di bawah arahan dan pengawasan Timbalan Naib Canselor.

18. Pendaftar hendaklah menyenggara satu daftar badan-badan pelajar mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Universiti.

19. Apabila permohonan untuk menubuhkan suatu badan pelajar diluluskan oleh Naib Canselor, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada badan pelajar itu satu Sijil Pendaftaran mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Universiti.

20. (1) Apabila sesuatu badan pelajar dibubarkan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan satu Sijil Pembubaran bagi badan pelajar tersebut.

(2) Sijil tersebut hendaklah diumumkan dalam kampus dengan cara yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

21. (1) Setiap pelajar yang memohon untuk menjadi ahli sesuatu badan pelajar hendaklah menghantar permohonannya kepada Setiausaha badan pelajar itu dan disalinkan kepada Pendaftar.

(2) Sesuatu permohonan untuk menjadi ahli sesuatu badan pelajar hendaklah dipertimbangkan oleh Majlis Eksekutif badan pelajar itu, dan Setiausaha badan pelajar itu hendaklah memberitahu pelajar tersebut berhubung keputusan Majlis Eksekutif, dan hendaklah disalinkan kepada Pendaftar.

(3) Jika terdapat sebarang perubahan berhubung butir-butir seseorang ahli badan pelajar, ahli itu hendaklah memaklumkan secara bertulis berhubung perubahan tersebut kepada Setiausaha badan pelajar dan disalinkan kepada Pendaftar.

22. Jika terdapat sebarang perubahan berhubung aktiviti badan pelajar atau perkara-perkara lain yang berkaitan dengan badan pelajar, Majlis Eksekutif badan pelajar itu hendaklah memaklumkan secara bertulis berhubung perubahan tersebut kepada Setiausaha badan pelajar dan hendaklah disalinkan kepada Pendaftar.

23. Setiausaha sesuatu badan pelajar hendaklah memberitahu Pendaftar secara bertulis tentang pemilihan, perletakan jawatan, pemecatan atau kehilangan kelayakan seseorang pemegang jawatan badan pelajar dalam masa satu minggu selepas pemilihan, perletakan jawatan, pemecatan atau kehilangan kelayakan itu.

24. Seseorang pemegang jawatan atau ahli sesuatu badan pelajar atau mana-mana jawatankuasa *ad hocnya* boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan atau keanggotaannya dengan notis secara bertulis kepada Setiausaha badan pelajar itu dan hendaklah disalinkan kepada Pendaftar.

25.(1) Majlis Eksekutif sesuatu badan pelajar hendaklah memecat mana-mana ahli yang tidak lagi layak memegang jawatan atau menjadi ahli dari jawatan atau keanggotaan badan pelajar itu atau mana-mana jawatankuasa *ad hoc* dan hendaklah dimaklumkan tindakan itu kepada Pendaftar secara bertulis.

(2) Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam subperenggan (1), badan pelajar itu atau Majlis Eksekutifnya tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk memecat mana-mana pelajar yang memegang apa-apa jawatan dalam Majlis Eksekutifnya atau keanggotaan mana-mana pelajar yang menjadi ahli badan pelajar kecuali dengan kelulusan Timbalan Naib Canselor.

26. Jika seorang pelajar tidak lagi layak memegang apa-apa jawatan dalam, atau menjadi ahli bagi sesuatu badan pelajar atau bagi mana-mana jawatankuasa *ad hocnya*, ia hendaklah segera memberitahu secara bertulis kepada Setiausaha badan pelajar itu, dan hendaklah disalinkan kepada Pendaftar.

27.(1) Jika sesuatu badan pelajar memohon kepada Naib-Canselor untuk membentuk suatu jawatankuasa *ad hoc* badan pelajar itu di bawah subseksyen 57(7) Perlembagaan Universiti sebagaimana dikuatkuasakan terhadap badan-badan pelajar oleh subseksyen 58(2) Perlembagaan Universiti, permohonan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dihantar melalui Timbalan Naib Canselor.

(2) Sebelum menghantar permohonan di bawah subperenggan (1) kepada Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor hendaklah menjalankan siasatan yang difikirkannya perlu dan, kemudiannya, mengemukakan permohonan itu bersama dengan syor-syornya kepada Naib Canselor.

(3) Keputusan Naib Canselor mengenai sesuatu permohonan untuk membentuk suatu jawatankuasa *ad hoc* badan pelajar hendaklah disampaikan kepada badan pelajar itu melalui Timbalan Naib Canselor, dan jika Naib Canselor meluluskan pembentukannya ia boleh menyatakan had-had dan syarat-syarat yang tertakluk kepada kelulusan yang diberi.

(4) Pendaftar hendaklah menyenggara suatu daftar jawatankuasa- jawatankuasa *ad hoc* badan-badan pelajar.

(5) Peruntukan-peruntukan di perenggan 23 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi pemegang jawatan atau ahli sesuatu jawatankuasa *ad hoc* badan pelajar.

28. Pendaftar hendaklah menyenggara suatu rekod semua butir dan perkara yang dimaklumkan kepadanya di bawah Statut ini.

## BAHAGIAN V

### AM

29. Timbalan Naib Canselor boleh menjalankan apa-apa kuasa, melaksanakan apa-apa fungsi atau menyempurnakan apa-apa tugas Pendaftar di bawah Statut ini.

- 
30. Jika Pendaftar dikehendaki di bawah Statut ini menghadiri atau mengawasi sesuatu mesyuarat badan pelajar atau mesyuarat Majlis Eksekutif atau jawatankuasa *ad hoc* badan pelajar, ia boleh memberi kuasa kepada mana-mana kakitangan Universiti di bawah kawalan pentadbirannya untuk menghadiri atau mengawasi mesyuarat itu bagi pihaknya.
31. Jika badan pelajar, atau Majlis Eksekutifnya, atau mana-mana jawatankuasa *ad hoc* badan pelajar, atau mana-mana pemegang jawatan atau ahli badan pelajar, tidak mematuhi apa-apa kehendak, arahan atau petunjuk Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor atau Pendaftar di bawah Statut ini, Timbalan Naib Canselor boleh mengemukakan suatu laporan kepada Naib Canselor dengan apa-apa syor yang difikirkannya patut dibuat dan Naib Canselor boleh, setelah mempertimbangkan laporan dan syor-syor tersebut, membubarkan badan pelajar itu di bawah perenggan 15 atau mengarahkan supaya seseorang pelajar tertentu berhenti menjadi ahli atau memegang jawatan badan pelajar itu, atau beliau boleh memberi apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.
32. Statut Universiti Malaya (Badan-Badan Pelajar) 1979 adalah dibatalkan.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

**SENARAI PEMBATALAN  
STATUT-STATUT UNIVERSITI MALAYA**



**No. 865.****SENARAI PEMBATALAN STATUT UNIVERSITI MALAYA**

No.	Nama Statut
1.	Statute VI - The Faculty of Engineering [P.U. 425/64]
2.	Statute VIII - The Faculty of Medicine [P.U. 425/64]
3.	Statute XXV - The Faculty of Economics and Administration [P.U. 172/67]
4.	Statute XXIV - The Faculty of Education [P.U. 171/67]
5.	Statut VII (Siri Baharu) - Fakulti Kejuruteraan [P.U. (B) 168/75] - Penubuhan Jabatan
6.	Statute XXXVIII - Department of Islamic Studies - Faculty of Arts [P.U. (B) 358/71]
7.	Statute XXXIX - The Faculty of Dentistry [P.U. (B) 359/71]
8.	Statute XLII - The Faculty of Law [P.U. (B) 204/72]
9.	Statute XL - Department of Anthropology and Sociology, Faculty of Arts [P.U. (B) 51/72]
10.	Statut IX (Siri Baharu) - Jabatan-jabatan Fakulti Sains [P.U. (B) 344/75] - Statut Penubuhan Jabatan
11.	Statut XXVIII (Siri Baharu) - Statut Universiti Malaya (Penubuhan Jabatan-jabatan Fakulti Pendidikan) 1980 [P.U. (A) 59/80]
12.	Statut XXXI (Siri Baharu) - Statut Universiti Malaya (Penubuhan Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin) 1981 [P.U. (A) 125/81]
13.	Statut XLII (Siri Baharu) - Statut Universiti Malaya (Akademi Islam) 1985 [P.U. (A) 281/85]
14.	Statute XXXIII - Computer Centre [P.U. 17/70]
15.	Statute XXXV - The Faculty of Medicine [P.U. (B) 319/71]
16.	Statute XLI - The Language Centre [P.U. (B) 116/72]
17.	Statut VIII (Siri Baharu) - Pusat Kebudayaan [P.U. (B) 343/75]
18.	Statut XI (Siri Baharu) - Pusat Asasi Sains [P.U. (B) 644/76]
19.	Statut XIV (Siri Baharu) - Fakulti Sastera & Sains Sosial [P.U. (B) 435/76] - Statut Penamaan Semula dari Fakulti Sastera ke Fakulti Sastera dan Sains Sosial
20.	Statut V (Siri Baharu) - Statut Universiti Malaya (Fakulti Pergigian) 1979 [P.U. (A) 276/79]
21.	Statut XXIV (Siri Baharu) - Statut Universiti Malaya (Institut Pengajian Tinggi) 1979 [P.U. (A) 176/79]

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

690

[13hb Jan. 2025]

No.	Nama Statut
22.	Statut XXXVIII - Statut Universiti Malaya (Diploma Perakaunan dan Sarjana Muda Perakaunan) 1983 [P.U. (A) 361/83]
23.	Statut XLIV (Siri Baharu) - Statut Universiti Malaya (Pusat Sukan) 1986 [P.U. (A) 486/86]
24.	Statut LIII (Siri Baharu)- Statut Universiti Malaya (Akademi Pengajian Melayu) 1991 [P.U. (B) 240/91]
25.	Statut Universiti Malaya (Institut Asia-Eropah) 2002 [P.U. (A) 286/2002] University of Malaya (Asia-Europe Institute) Statute 2002 [P.U. (A) 286/2002]
26.	Statute XVI - The Registrar, Bursar & Librarian [P.U. 425/64]
27.	Statute XVII - Assistant Registrars, Assistant Bursars and Assistant Librarians [P.U. 425/64]
28.	Statute XX - College Delegacy [P.U. 425/64]
29.	Statut I (Siri Baharu) - Interpretasi [P.U. (B) 194/675]
30.	Statut II - Dipinda (Siri Baharu) Jumaah [P.U. (B) 414/75]
31.	Statut III (Siri Baharu) - Majlis [P.U. (B) 502/72]
32.	Statut X (Siri Baharu) - Perlantikan Kakitangan Gaji Kumpulan A [P.U.(B) 369/75]
33.	Statut XII (Siri Baharu) - Perlantikan dan Kenaikan Pangkat untuk Pekerja-Pekerja Kumpulan B, C dan D [P.U. (B) 645/76]
34.	Statute XIII - Degrees & Diplomas [P.U. 425/64]
35.	Statute XXI - Official and Academic Dress [P.U. 425/64]
36.	Statut XXII - Statut Universiti Malaya (Cuti Sabatikal) 1981 [P.U. 397/81]
37.	Akta XLV - Akta Universiti Malaya (Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar) 1977 [P.U. (B) 511/77]
38.	Statut XXIX (Siri Baharu) - Statut Universiti Malaya (Rumah Kediaman) 1981 [P.U. (A) 26/81]

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
 ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

**No. 866.**

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE VI THE FACULTY OF ENGINEERING

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute VI The Faculty of Engineering [P.U. 425/64] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

**No. 867.**

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE VIII THE FACULTY OF MEDICINE

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute VIII The Faculty of Medicine [P.U. 425/64] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

**No. 868.**

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XXV THE FACULTY OF ECONOMICS AND ADMINISTRATION

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XXV The Faculty of Economics and Administration [P.U. 172/67] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

**No. 869.**

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XXIV THE FACULTY OF EDUCATION

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XXIV The Faculty of Education [P.U. 171/67] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

**No.870.**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT VII (SIRI BAHARU) FAKULTI KEJURUTERAAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut VII (Siri Baharu) Fakulti Kejuruteraan [P.U. (B) 168/75] yang disiarkan dalam *Gazette* of the Federation dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

**No. 871.**

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XXXVIII DEPARTMENT OF ISLAMIC STUDIES—FACULTY OF ARTS

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XXXVIII Department of Islamic Studies – Faculty of Arts [P.U. (B) 358/71] published in the *Warta Kerajaan Persekutuan* is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

13hb Jan. 2025]

693

## No. 872.

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XXXIX THE FACULTY OF DENTISTRY

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XXXIX The Faculty of Dentistry [P.U. (B) 359/71] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

## No. 873.

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XLII THE FACULTY OF LAW

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XLII The Faculty of Law [P.U. (B) 204/72] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

## No. 874.

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XL DEPARTMENT OF ANTHROPOLOGY AND SOCIOLOGY  
FACULTY OF ARTS

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XL Department of Anthropology and Sociology Faculty of Arts [P.U. (B) 51/72] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

**No. 875.**

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XXXIII COMPUTER CENTRE

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XXXIII Computer Centre [P.U. 17/70] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

**No. 876.**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT IX (SIRI BAHARU) JABATAN-JABATAN FAKULTI SAINS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut IX (Siri Baharu) Jabatan-jabatan Fakulti Sains [P.U.(B) 344/75] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

**No. 877.**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT XXVIII (SIRI BAHARU) STATUT UNIVERSITI MALAYA  
(PENUBUHAN JABATAN-JABATAN FAKULTI PENDIDIKAN) 1980

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XXVIII (Siri Baharu) Statut Universiti Malaya (Penubuhan Jabatan-jabatan Fakulti Pendidikan) 1980 [P.U. (A) 59/80] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

13hb Jan. 2025]

695

## No. 878.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT XLII (SIRI BAHARU) STATUT UNIVERSITI MALAYA  
(AKADEMI ISLAM) 1985

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XLII (Siri Baharu) Statut Universiti Malaya (Akademi Islam) 1985 [P.U. (A) 281/85] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

## No. 879.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT XXXI (SIRI BAHARU) STATUT UNIVERSITI MALAYA  
(PENUBUHAN FAKULTI SYARIAH DAN FAKULTI USULUDDIN) 1981

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XXXI (Siri Baharu) Statut Universiti Malaya (Penubuhan Fakulti Syariah Dan Fakulti Usuluddin) 1981 [P.U. (A) 125/81] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

## No. 880.

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XXXV THE FACULTY OF MEDICINE

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XXXV The Faculty of Medicine [P.U. (B) 319/71] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

**No. 881.**UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971  
CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA  
REVOCATION OF STATUTE XLI THE LANGUAGE CENTRE

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XLI The Language Centre [P.U. (B) 116/72] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

**No. 882.**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971  
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

## PEMBATALAN STATUT VIII (SIRI BAHARU) PUSAT KEBUDAYAAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut VIII (Siri Baharu) Pusat Kebudayaan [P.U. (B) 343/75] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

**No. 883.**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971  
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

## PEMBATALAN STATUT XI (SIRI BAHARU) PUSAT ASASI SAINS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XI (Siri Baharu) Pusat Asasi Sains [P.U. (B) 644/76] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

13hb Jan. 2025]

697

## No. 884.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT XIV (SIRI BAHARU) FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XIV (Siri Baharu) Fakulti Sastera dan Sains Sosial [P.U. (B) 435/76] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

*Canselor*

*Universiti Malaya*

## No. 885.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT V (SIRI BAHARU)

STATUT UNIVERSITI MALAYA (FAKULTI PERGIGIAN) 1979

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut V (Siri Baharu) Statut Universiti Malaya (Fakulti Pergigian) 1979 [P.U.(A) 276/79] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

*Canselor*

*Universiti Malaya*

## No. 886.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT XXIV (SIRI BAHARU) STATUT UNIVERSITI MALAYA

(INSTITUT PENGAJIAN TINGGI) 1979

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XXIV (Siri Baharu) Statut Universiti Malaya (Institut Pengajian Tinggi) 1979 [P.U. (A) 176/79] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

*Canselor*

*Universiti Malaya*

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

698

[13hb Jan. 2025]

No. 887.

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT XXXVIII (SIRI BAHARU) STATUT UNIVERSITI MALAYA  
(DIPLOMA PERAKAUNAN DAN SARJANA MUDA PERAKAUNAN) 1983

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XXXVIII (Siri Baharu) Statut Universiti Malaya (Diploma Perakaunan dan Sarjana Muda Perakaunan) 1983 [P.U. (A) 361/83] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

No. 888.

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA PEMBATALAN STATUT XLIV (SIRI BAHARU) STATUT UNIVERSITI MALAYA (PUSAT SUKAN) 1986

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XLIV (Siri Baharu) Statut Universiti Malaya (Pusat Sukan) 1986 [P.U. (A) 486/86] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

No. 889.

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT UNIVERSITI MALAYA (INSTITUT ASIA - EROPAH) 2002

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut Universiti Malaya (Institut Asia - Eropah) 2002 [P.U. (A) 286/2002] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 11 Julai 2002 dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971  
CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

## REVOCATION OF UNIVERSITY OF MALAYA (ASIA-EUROPE INSTITUTE) STATUTE 2002

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], University of Malaya (Asia-Europe Institute) Statute 2002 [P.U. (A) 286/2002] published in the *Gazette* of the Federation on 11 July 2002 is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

**No. 890.**

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971  
CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

## REVOCATION OF STATUTE XVI THE REGISTRAR, BURSAR &amp; LIBRARIAN

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XVI The Registrar, Bursar & Librarian [P.U. 425/64] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

**No. 891.**

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971  
CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XVII ASSISTANT REGISTRARS, ASSISTANT BURSARS AND  
ASSISTANT LIBRARIANS

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XVII Assistant Registrars, Assistant Bursars and Assistant Librarians [P.U. 425/64] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

700

[13hb Jan. 2025]

## No. 892.

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XX COLLEGE DELEGACY

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XX College Delegacy [P.U. 425/64] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

## No. 893.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT I (SIRI BAHRU) INTERPRETASI

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut I (Siri Baharu) Interpretasi [P.U. (B) 194/75] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

## No. 894.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT II - DIPINDA (SIRI BAHRU) JUMAAH

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut II – Dipinda (Siri Baharu) Jumaah [P.U. (B) 414/75] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

## WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

13hb Jan. 2025]

701

### No. 895.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT III (SIRI BAHARU) MAJLIS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut III (Siri Baharu) Majlis [P.U. (B) 502/72] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

*Canselor*

*Universiti Malaya*

### No. 896.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT X (SIRI BAHARU)

PERLANTIKAN KAKITANGAN GAJI KUMPULAN A

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut X (Siri Baharu) Perlantikan Kakitangan Gaji Kumpulan A [P.U. (B) 369/75] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

*Canselor*

*Universiti Malaya*

### No. 897.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT XII (SIRI BAHARU) PERLANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT UNTUK PEKERJA-PEKERJA KUMPULAN B, C DAN D

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XII (Siri Baharu) Perlantikan dan Kenaikan Pangkat untuk Pekerja-Pekerja Kumpulan B, C dan D [P.U. (B) 645/76] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

*Canselor*

*Universiti Malaya*

No. 898.

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XXI OFFICIAL AND ACADEMIC DRESS

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XXI Official and Academic Dress [P.U. 425/64] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

No. 899.

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITY OF MALAYA

REVOCATION OF STATUTE XIII DEGREES AND DIPLOMAS

In exercise of the powers conferred by subsection 35(1) Constitution of the University of Malaya [P.U. (A) 444], Statute XIII Degrees and Diplomas [P.U. 425/64] published in the *Gazette* of the Federation is revoked with effect from 30 December 2024.

Dated 9 December 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Chancellor*  
*University of Malaya*

No. 900.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

PEMBATALAN STATUT XXII (SIRI BAHARU)  
STATUT UNIVERSITI MALAYA (CUTI SABATIKAL) 1981

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XXII Statut Universiti Malaya (Cuti Sabatikal) 1981 [P.U. 397/81] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
*Canselor*  
*Universiti Malaya*

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

13hb Jan. 2025]

703

## No. 901.

### AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

### PEMBATALAN STATUT LIII (SIRI BAHARU)

### STATUT UNIVERSITI MALAYA (AKADEMI PENGAJIAN MELAYU) 1991

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut LIII (Siri Baharu) Statut Universiti Malaya (Akademi Pengajian Melayu) 1991 [P.U. (B) 240/91] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

*Canselor*

*Universiti Malaya*

## No. 902.

### AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

### PEMBATALAN AKTA XLV AKTA UNIVERSITI MALAYA

### (SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR) 1977

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Akta XLV Akta Universiti Malaya (Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar) 1977 [P.U. (B) 511/77] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

*Canselor*

*Universiti Malaya*

## No. 903.

### AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 PERLEMBAGAAN

### UNIVERSITI MALAYA

### PEMBATALAN STATUT XXIX (SIRI BAHARU)

### STATUT UNIVERSITI MALAYA (RUMAH KEDIAMAN UNIVERSITI) 1981

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444], Statut XXIX (Siri Baharu) Statut Universiti Malaya (Rumah Kediaman) Universiti 1981 [P.U. (A) 26/81] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* dibatalkan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2024.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

*Canselor*

*Universiti Malaya*




# **KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA 2024**

## **Tarikh Kuatkuasa Kaedah-Kaedah Universiti Malaya 2024**

Adalah dimaklumkan bahawa kesemua senarai Kaedah-Kaedah di bawah telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 14 Januari 2025.

1. Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Rumah Kediaman Universiti) 2024
2. Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Cuti Sabatikal) 2024
3. Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar) 2024
4. Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Pakaian Rasmi dan Akademik) 2024





MALAYSIA

Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 69

14hb Januari 2025

No. 3

---

No. 939.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(RUMAH KEDIAMAN UNIVERSITI) 2024

---

SUSUNAN KAEDAH

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran
3. Budi Bicara Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) untuk menguntukkan Rumah Kediaman
4. Pengelasan Rumah Kediaman

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN DAN PENDUDUKAN RUMAH KEDIAMAN

Kaedah

5. Permohonan untuk Rumah Kediaman dan penguntukannya
6. Setujuterima dan pendudukan Rumah Kediaman
7. Tempoh maksimum menduduki Rumah Kediaman

BAHAGIAN III

PEKERJA YANG DIKEHENDAKI ATAU DIMINTA TINGGAL  
DALAM RUMAH KEDIAMAN

8. Pekerja yang dikehendaki tinggal dalam Rumah Kediaman

BAHAGIAN IV

AM

9. Sewa dan bayaran lain hendaklah dipotong dari gaji
10. Hanya pekerja dan keluarganya sahaja boleh tinggal dalam Rumah Kediaman
11. Tanggungjawab pekerja yang menduduki Rumah Kediaman
12. Akses ke Rumah Kediaman oleh pekerja atau agen Universiti yang diberi kuasa
13. Pekerja mungkin dikehendaki pindah ke suatu Rumah Kediaman yang lain
14. Rumah Kediaman hendaklah dikosongkan apabila bercuti di luar Malaysia selama dua belas bulan atau lebih
15. Rumah Kediaman hendaklah dikosongkan apabila dipinjamkan selama dua belas bulan atau lebih
16. Rumah Kediaman hendaklah dikosongkan apabila berhenti menjadi pekerja
17. Rumah Kediaman hendaklah dikosongkan apabila notis diberi
18. Pekerja hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah

Kaedah

19. Tak layak memohon Rumah Kediaman
20. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (RUMAH KEDIAMAN UNIVERSITI) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Rumah Kediaman Universiti) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pekerja” ertinya mana-mana orang yang diambil bekerja oleh universiti di bawah perlembagaan dan mana-mana statut dan termasuklah pegawai dan guru;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya;

“Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)” ertinya Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Universiti Malaya;

“pinjaman perumahan” ertinya pinjaman perumahan yang diterima oleh pekerja di bawah mana-mana skim pinjaman perumahan kerajaan Malaysia atau mana-mana institusi kewangan berdaftar yang lain;

“Rumah Kediaman” ertinya tempat kediaman yang disediakan oleh Universiti, termasuk bangunan dan halamannya;

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

**Budi Bicara Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) untuk menguntukkan Rumah Kediaman**

3. Mana-mana pekerja yang tidak berhak kepada Rumah Kediaman oleh Universiti, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) boleh menurut budi bicaranya menguntukkan Rumah Kediaman kepada pekerja mengikut peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

**Pengkelasan Rumah Kediaman**

4. (1) Rumah Kediaman yang ditawarkan dan diuntukkan kepada mana-mana pekerja yang diluluskan permohonannya, Universiti berhak untuk mengenakan sewa dan apa-apa bayaran lain berdasarkan Jadual Pertama.

(2) Pengkelasan Rumah Kediaman bagi maksud Jadual Pertama hendaklah menurut budi bicara Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

(3) Mana-mana Rumah Kediaman boleh dilengkapkan dengan apa-apa peralatan dan perabot tertakluk kepada budi bicara Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

(4) Sewa yang kena dibayar oleh pekerja yang diuntukkan Rumah Kediaman berdasarkan kepada kadar sewa yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama atau ketetapan Universiti dari semasa ke semasa.

**BAHAGIAN II****PERUNTUKAN DAN PENDUDUKAN RUMAH KEDIAMAN****Permohonan untuk Rumah Kediaman dan penguntukannya**

5. (1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, pekerja boleh memohon Rumah Kediaman tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) sepertimana yang ditetapkan di Jadual Pertama. Rumah Kediaman yang diuntukkan kepada seorang pekerja boleh didiami bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang pekerja tertakluk kepada kelulusan dan budi bicara Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

(2) Permohonan untuk Rumah Kediaman hendaklah menggunakan borang atau menerusi apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh Universiti dan pekerja boleh diminta menyediakan bersama apa-apa maklumat lain yang diperlukan dari semasa ke semasa oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

(3) Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) boleh menguntukkan mana-mana Rumah Kediaman kepada mana-mana pihak bagi tujuan selain daripada maksud "Rumah Kediaman" tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

**Setujuterima dan pendudukan Rumah Kediaman**

6. (1) Seseorang pekerja yang diuntukkan Rumah Kediaman hendaklah—
- menyetujuterima tawaran itu dalam tempoh yang ditetapkan; dan
  - menduduki Rumah Kediaman yang diuntukkan itu dalam tempoh selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari dari tarikh setuju terima tawaran tersebut.
- (2) Jika seseorang pekerja tidak menyetujuterima atau menduduki Rumah Kediaman yang ditawarkan dalam tempoh yang ditetapkan:
- tawaran Rumah Kediaman tersebut adalah terbatal dan pekerja itu tidak lagi layak untuk memohon sebarang Rumah Kediaman pada masa hadapan.
  - Walau bagaimanapun, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) boleh mempertimbangkan apa-apa rayuan secara bertulis daripada pekerja tersebut di atas kemungkinan menyetujuterima atau menduduki Rumah Kediaman yang diuntukkan tertakluk kepada budi bicara Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

**Tempoh maksimum menduduki Rumah Kediaman**

7. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), pekerja yang diuntukkan Rumah Kediaman boleh menduduki Rumah Kediaman yang diuntukkan bagi tempoh maksimum selama lima (5) tahun dari tarikh menduduki Rumah Kediaman tersebut.

(2) Jika sebelum tamat tempoh lima (5) tahun pekerja itu mendapat pinjaman perumahan daripada mana-mana institusi kewangan, Universiti, badan atau pihak berkuasa berkanun, atau bagi membeli atau membina rumah, pekerja tersebut tidak lagi boleh menduduki Rumah Kediaman selepas tarikh rumah itu telah dibeli atau diperakui layak diduduki oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

(3) Jika kedua-dua pasangan suami isteri merupakan pekerja Universiti dan telah diuntukkan Rumah Kediaman, jumlah masa gabungan yang mereka dibenarkan tinggal di Rumah Kediaman itu hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun.

**BAHAGIAN III****PEKERJA YANG DIKEHENDAKI ATAU DIMINTA TINGGAL DALAM RUMAH KEDIAMAN****Pekerja yang dikehendaki tinggal dalam Rumah Kediaman**

8. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana peruntukan lain Kaedah-Kaedah ini, seseorang pekerja yang menyandang Jawatan Penting yang dinyatakan dalam Jadual Kedua adalah dikehendaki tinggal dalam mana-mana Rumah Kediaman yang diuntukkan kepadanya oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

(2) Pekerja itu akan dikenakan sewa bagi Rumah Kediaman teruntuk itu berdasarkan Jadual Kedua.

---

---

BAHAGIAN IV

AM

**Sewa dan bayaran lain hendaklah dipotong dari gaji**

9. Sewa dan apa-apa bayaran lain yang kena dibayar oleh pekerja bagi Rumah Kediaman yang diuntukkan olehnya hendaklah dibuat melalui potongan gaji.

**Hanya pekerja dan keluarganya sahaja boleh tinggal dalam Rumah Kediaman**

10. (1) Hanya pekerja, suami atau isterinya, anak-anaknya, dan orang gajinya (tidak lebih daripada dua) sahaja boleh tinggal dalam Rumah Kediaman teruntuk.

(2) Bagi maksud kaedah ini “anak” seseorang pekerja ertiannya anak yang belum berkahwin dan bergantung kepada pekerja itu dan termasuk anak tiri dan anak yang diambil sebagai anak angkat di bawah mana-mana undang- undang bertulis, adat atau kelaziman.

(3) Walau apa pun peruntukan dalam subkaedah (1), Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) boleh, atas permohonan bertulis terlebih dahulu dari pekerja, memberi kelulusan kepada pekerja membenarkan saudara tanggungan atau lain-lain orang tinggal bersamanya dalam Rumah Kediaman teruntuk jika Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) berpuas hati bahawa mustahak atas alasan perikemanusiaan membenarkan sedemikian.

**Tanggungjawab pekerja yang menduduki Rumah Kediaman**

11. (1) Seseorang pekerja yang menduduki Rumah Kediaman hendaklah—

- (a) tidak boleh membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa perubahan atau tambahan struktur kepada Rumah Kediaman itu;
- (b) hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Pengarah Eksekutif Jabatan Harta Benda apa-apa kerosakan, kekurangan atau kecacatan terhadap Rumah Kediaman, lengkapan dan lekappannya, atau perabot dalam Rumah Kediaman itu;
- (c) tidak boleh menyewakan mana-mana bahagian Rumah Kediaman, atau membenarkan mana-mana orang tinggal bersamanya sebagai penumpang atau tetamu berbayar;
- (d) tidak boleh menggunakan Rumah Kediaman itu bagi apa-apa maksud lain selain daripada Rumah Kediaman kecuali mendapat kebenaran secara bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Pembangunan);

- (e) tidak boleh mengadakan apa-apa mesyuarat atau perhimpunan dalam Rumah Kediaman itu, selain daripada majlis sosial persendirian selaras dengan peraturan pergauluan masyarakat biasa dan adat;
- (f) tidak boleh memelihara ayam, itik atau ternakan, atau apa-apa binatang, reptilia atau unggas yang merbahaya, merosakkan atau memudarangkan di Rumah Kediaman itu, dan, tidak boleh memelihara apa-apa binatang, reptilia atau unggas yang lain sebagaimana dinyatakan dari semasa ke semasa oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan);
- (g) tidak boleh melakukan atau memberar dilakukan dalam atau di Rumah Kediaman itu apa-apa jua perbuatan, perkara atau benda yang mungkin, atau yang mungkin menjadi, suatu mudarat atau kegusaran kepada mana-mana Rumah Kediaman yang berdampingan atau berdekatan atau lain-lain premis, atau kepada mana-mana penduduk lain dalam Rumah Kediaman yang sama, atau yang membawa kepada gangguan oleh mana-mana pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang;
- (h) hendaklah menyenggara Rumah Kediaman, lengkapan dan lekapannya dan perabot dalam Rumah Kediaman itu, supaya berada dalam keadaan bercuci, baik, bersih dan kemas;
- (i) tidak boleh merosakkan, memotong atau membinasakan apa-apa pokok yang ditanam di Rumah Kediaman itu;
- (j) hendaklah memastikan halaman Rumah Kediaman terutamanya pokok, rumput dan sebagainya sentiasa dalam keadaan rapi, bersih, teratur dan kemas;
- (k) hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan—
  - (i) penyenggaraan, pendudukan atau penggunaan bangunan atau halamannya;
  - (ii) pencegahan penyakit; atau
  - (iii) pemasangan elektrik, air atau lain-lain pemasangan;
- (l) hendaklah bertanggungjawab atas, dan hendaklah membayar dengan segera, segala bayaran elektrik, air, telefon, internet, konservansi, penyelenggaraan atau lain-lain bayaran yang kena dibayar kepada pihak berkuasa yang berkenaan bagi Rumah Kediaman itu;
- (m) hendaklah, apabila tamat pendudukan Rumah Kediamannya itu menyerahkan Rumah Kediaman itu, lengkapan dan lekapannya, dan perabot dalam Rumah Kediaman itu, supaya dalam keadaan bercuci, tidak rosak, baik, bersih dan kemas;
- (n) hendaklah mematuhi apa-apa kehendak atau arahan tentang penyenggaraan dan penggunaan, atau selainnya berhubung dengan, Rumah Kediaman sebagaimana dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

(2) Seseorang pekerja adalah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan atau kerugian yang dilakukan, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, olehnya atau oleh mana-mana orang yang tinggal bersamanya, terhadap Rumah Kediaman tersebut, kelengkapannya dan lengkapan, atau perabot dalam Rumah Kediaman itu dan apa-apa amaun yang diperakui oleh Pengarah Eksekutif Jabatan Harta Benda sebagai kena dibayar mengenai kerosakan atau kerugian itu hendaklah dipotong dari gaji pekerja itu.

**Akses ke Rumah Kediaman oleh pekerja atau agen Universiti yang diberi kuasa**

12. Mana-mana pekerja atau agen Universiti yang diberi kuasa boleh memasuki dan memeriksa Rumah Kediaman atau menjalankan kerja baik pulih atau apa-apa kerja lain dalam Rumah Kediaman tertakluk kepada notis bertulis dalam tempoh yang munasabah.

**Pekerja mungkin dikehendaki pindah ke suatu Rumah Kediaman yang lain**

13. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) boleh dengan notis secara bertulis menghendaki, atau boleh atas permohonan seseorang pekerja membenarkan, seorang pekerja supaya mengosongkan Rumah Kediaman yang diduduki olehnya dan pindah ke suatu Rumah Kediaman yang lain dalam suatu tempoh sebagaimana dinyatakan dalam notis itu atau pemberian kebenaran itu yang, bagaimanapun, tidak kurang daripada 60 hari daripada tarikh notis itu, atau tidak kurang daripada satu minggu dari pemberian kebenaran itu, mengikut mana yang berkenaan.

**Rumah Kediaman hendaklah dikosongkan apabila bercuti di luar Malaysia selama dua belas bulan atau lebih**

14. Jika seseorang pekerja yang menduduki Rumah Kediaman tersebut—

- (a) diberi apa-apa bentuk cuti selama tempoh dua belas (12) bulan atau lebih; dan
- (b) cuti itu dikehendaki dihabiskan di luar Malaysia selama tempoh dua belas (12) bulan atau lebih;

pekerja itu hendaklah mengosongkan Rumah Kediaman itu sebelum ia memulakan cuti itu:

Dengan syarat bahawa apabila habis cuti itu ia boleh memohon untuk Rumah Kediaman, dan jika ia diintukkan Rumah Kediaman, tempoh pendudukan Rumah Kediaman olehnya sebelum memulakan cutinya hendaklah diambil kira pada menentukan tempoh maksimum yang ia boleh menduduki Rumah Kediaman itu di bawah kaedah 7.

**Rumah Kediaman hendaklah dikosongkan apabila dipinjamkan selama dua belas bulan atau lebih**

15. Seseorang pekerja yang dipinjamkan untuk berkhidmat selama tempoh dua belas (12) bulan atau lebih hendaklah mengosongkan Rumah Kediamannya dalam tempoh tiga (3) bulan bermulanya pinjaman itu:

Dengan syarat bahawa apabila habis tempoh pinjaman itu ia boleh memohon untuk Rumah Kediaman, dan jika ia diuntukkan Rumah Kediaman, tempoh pendudukan Rumah Kediaman olehnya sebelum ia mengosongkan Rumah Kediaman itu hendaklah diambil kira pada menentukan tempoh maksimum yang ia boleh menduduki Rumah Kediaman di bawah kaedah 7.

**Rumah Kediaman hendaklah dikosongkan apabila berhenti menjadi pekerja**

16. Jika seseorang pekerja yang menduduki Rumah Kediaman meletak jawatan atau diberhentikan perkhidmatan sebagai pekerja Universiti, beliau hendaklah mengosongkan Rumah Kediaman dalam tempoh yang ditetapkan.

**Rumah Kediaman hendaklah dikosongkan apabila notis diberi**

17. (1) Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam Kaedah-Kaedah ini, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) boleh dengan notis secara bertulis dan tanpa memberi apa-apa sebab menghendaki mana-mana pekerja yang menduduki Rumah Kediaman itu supaya mengosongkan Rumah Kediaman itu dalam sesuatu tempoh bermula dari tarikh notis itu disampaikan kepada pekerja sebagaimana dinyatakan dalam notis itu yang, bagaimanapun, tempoh itu tidaklah kurang daripada 60 hari.

(2) Jika seseorang pekerja mengosongkan Rumah Kediamannya menurut suatu notis di bawah subkaedah (1), ia tidaklah layak disediakan Rumah Kediaman bagi menggantikan Rumah Kediaman yang dikosongkan olehnya, melainkan jika Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) memutuskan selainnya.

(3) Jika seseorang pekerja gagal untuk mengosongkan Rumah Kediaman selepas diberi notis bertulis, pekerja itu dikehendaki membayar sewa seperti berikut:

- (a) dalam hal Rumah Kediaman Kelas A RM3,000 sebulan atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa;
- (b) dalam hal Rumah Kediaman Kelas B RM2,000 sebulan atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa; atau
- (c) dalam hal Rumah Kediaman Kelas C RM600 sebulan atau apa-apa kadar yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa,

bagi tiap-tiap bulan yang kemudiannya yang dia gagal untuk mengosongkan Rumah Kediaman tersebut.

**Pekerja hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah**

18. (1) Adalah menjadi kewajipan seseorang pekerja yang menduduki mana-mana Rumah Kediaman supaya menuruti dan mematuhi dengan sewajarnya Kaedah-Kaedah ini, dan dengan apa-apa kehendak atau arahan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Jika seseorang pekerja melanggar subkaedah (1), ia mungkin, selain dari apa-apa tanggungan lain, dikehendaki oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) supaya mengosongkan Rumah Kediaman yang diduduki olehnya dengan serta-merta atau dalam suatu tempoh sebagaimana dinyatakan oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

**Tak layak memohon Rumah Kediaman**

19. Jika seseorang pekerja—

- (a) dengan sukarelanya mengosongkan Rumah Kediaman yang diduduki olehnya; atau
- (b) telah menduduki Rumah Kediaman bagi tempoh maksimum yang dinyatakan dalam kaedah 7; atau
- (c) dikehendaki mengosongkan Rumah Kediamannya di bawah kaedah 17,

beliau tidaklah selepas itu layak memohon untuk Rumah Kediaman.

**Pembatalan**

20. Statut XXIX - Statut Universiti Malaya (Rumah Kediaman Universiti) 1981 [P.U. (A) 26/81] dibatalkan.

Dibuat 27 Disember 2024.

TAN SRI ZARINAH ANWAR  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pengarah*  
*Universiti Malaya*

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(RUMAH KEDIAMAN UNIVERSITI) 2024**

**JADUAL PERTAMA**  
**(Kaedah 4 dan Kaedah 5)**

<b>KELAS RUMAH KEDIAMAN UNIVERSITI</b>		<b>SEWA</b>	<b>KELAYAKAN</b>
<b>TEMPAT</b>	<b>KELAS</b>		
Lorong Universiti, Lorong Jambatan, Seksyen 12, Seksyen 16 (Banglo)	A	Imbuhan Tetap Perumahan Elaun Sara Hidup	Gred 12 dan ke atas atau setaraf tertakluk kepada pekeliling yang dikuatkuasakan Universiti atau Kes Khas bagi kategori jawatan yang setaraf.  Kes Khas bagi Gred 9 ke atas atau setaraf tertakluk kepada pekeliling yang dikuatkuasakan Universiti.
Lorong Universiti, Lorong Jambatan, Seksyen 16 (Teres atau Apartment)	B	Imbuhan Tetap Perumahan Elaun Sara Hidup	Gred 9 ke atas atau setaraf tertakluk kepada pekeliling yang dikuatkuasakan Universiti atau Kes Khas.  Kes Khas bagi Gred 5 ke atas atau setaraf tertakluk kepada pekeliling yang dikuatkuasakan Universiti.
Kuarters Pangsapuri Inderaloka	C	Imbuhan Tetap Perumahan Elaun Sara Hidup	Gred 8 ke bawah  Staf Keselamatan atau Staf tunggu sedia atau Kes Khas daripada kumpulan sokongan dengan gred jawatan tertakluk kepada pekeliling yang dikuatkuasakan Universiti.  Kes Khas tertakluk kepada kekosongan, keperluan, justifikasi yang dikemukakan serta budi bicara Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(RUMAH KEDIAMAN UNIVERSITI) 2024**

JADUAL KEDUA

(Kaedah 8)

<b>JAWATAN PENTING</b>	<b>KADAR SEWA</b>
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pengarah Keselamatan</li><li>2. Pegawai Keselamatan</li><li>3. Jurutera Elektrik</li><li>4. Jurutera Mekanikal</li><li>5. Jurutera Awam</li><li>6. Penolong Jurutera Elektrik</li><li>7. Penolong Jurutera Mekanikal</li><li>8. Penolong Jurutera Awam</li><li>9. Penjaga Jentera Elektrik</li><li>10. Ketua Pengawal Keselamatan</li><li>11. Pembantu Kemahiran</li><li>12. Pengawal Keselamatan</li></ol>	Imbuhan Tetap Perumahan Elaun Sara Hidup

No. 940.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (CUTI SABATIKAL) 2024

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PEMBERIAN CUTI SABATIKAL

3. Kelayakan tempoh Cuti Sabatikal
4. Kelayakan Cuti Sabatikal
5. Tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira
6. Permohonan Cuti Sabatikal
7. Kelulusan Cuti Sabatikal
8. Penangguhan Cuti Sabatikal atas sebab peribadi
9. Penangguhan Cuti Sabatikal atas sebab keperluan perkhidmatan
10. Pelupusan Cuti Sabatikal

BAHAGIAN III

KEMUDAHAN DAN FAEDAH

11. Emolumen dalam Cuti Sabatikal
12. Bantuan kewangan daripada Universiti
13. Bantuan kewangan lain

---

---

BAHAGIAN IV

SYARAT-SYARAT LAIN

Kaedah

14. Laporan program Cuti Sabatikal
15. Perjanjian Cuti Sabatikal
16. Cuti rehat dalam Cuti Sabatikal
17. Melepaskan jawatan pentadbiran
18. Pekerjaan lain
19. Tatatertib
20. Penamatan Cuti Sabatikal
21. Pengecualian pemakaian
22. Pemberian Cuti Sabatikal mengikut budi bicara Naib Canselor
23. Pembatalan statut

JADUAL 1

JADUAL 2

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (CUTI SABATIKAL) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama dan pemakaian**

1. (1) Kaedah-kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Cuti Sabatikal) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada guru dan mana-mana kumpulan perkhidmatan yang diperakui oleh Lembaga.

(3) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (2), guru yang dilantik sebelum tahun 2024 akan terus tertakluk kepada peraturan seperti yang ditetapkan di dalam Statut Universiti Malaya (Cuti Sabatikal) 1981.

(4) Walau apapun yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, kaedah pelaksanaan yang akan digunakan oleh Universiti hendaklah juga dibaca bersama dasar, garis panduan, prosedur dan/atau apa-apa ketetapan lain oleh Universiti dari semasa ke semasa.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Cuti sabatikal” ertinya cuti yang diberi di bawah kaedah 3;

“guru” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru oleh Lembaga mengikut Perlembagaan Universiti dan yang memegang jawatan hakiki sebagai Profesor Kanan, Profesor, Profesor Madya, Reader, Pensyarah atau Penolong Pensyarah;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;

“Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti Malaya;

“Perkhidmatan tiga tahun” ertinya perkhidmatan berterusan selama tiga puluh enam (36) bulan;

“Perkhidmatan lima tahun” ertinya perkhidmatan berterusan selama enam puluh (60) bulan;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya;

“Pihak Berkuasa” ertinya mana-mana Pihak Berkuasa Universiti yang disebut dalam seksyen 16 Perlembagaan Universiti Malaya dan termasuk mana-mana Pihak Berkuasa yang ditubuhkan menurut statut;

“Tarikh Genap Masa” ertinya tarikh selepas sahaja tarikh genapnya tempoh yang dinyatakan dalam Jadual 1 kepada Kaedah-Kaedah ini; dan

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

## BAHAGIAN II

### PEMBERIAN CUTI SABATIKAL

#### Kelayakan tempoh Cuti Sabatikal

3. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Kaedah-Kaedah ini, seseorang guru boleh diberi cuti sabatikal selama tempoh:

- (a) lima (5) bulan, jika telah genap perkhidmatan selama tiga (3) tahun; atau
- (b) sembilan (9) bulan, jika telah genap perkhidmatan selama lima (5) tahun.

(2) Seperti mana yang ditetapkan oleh Jadual 1 kepada Kaedah-Kaedah ini dan bagi maksud mengikuti program tertentu yang akan mendatangkan faedah kepada negara, Universiti dan guru, cuti sabatikal yang boleh diluluskan adalah seperti berikut:

- (i) pengajian atau penyelidikan dalam bidang pelajaran yang tertentu; atau
- (ii) lawatan untuk mendapatkan pengalaman, dan mengetahui mengenai perkembangan dan kemajuan terbaru dalam sesuatu lapangan pelajaran yang tertentu; atau
- (iii) menjalani program latihan sangkutan (*attachment*) bagi suatu tempoh tertentu dalam bidang yang berkaitan.

#### Kelayakan Cuti Sabatikal

4. (1) Seseorang guru boleh diberi cuti sabatikal jika:

- (a) telah tetap dan disahkan dalam jawatannya;
- (b) telah genap perkhidmatan tiga (3) tahun atau perkhidmatan lima (5) tahun;

- (c) layak diberikan cuti sabatikal lima (5) bulan sekiranya mempunyai baki tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan selepas lapor diri daripada cuti sabatikal dan sebelum tempoh bersara wajib; atau
- (d) layak diberikan cuti sabatikal sembilan (9) bulan sekiranya mempunyai baki tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) bulan selepas lapor diri daripada cuti sabatikal dan sebelum tempoh bersara wajib; dan
- (e) tiada sebarang proses prosiding tatatertib yang telah atau sedang dijalankan ke atas guru.

(2) Sekiranya telah sampai tempoh kelayakan cuti sabatikal bagi seorang guru, namun mana-mana kelayakan tersebut sama ada lima (5) bulan atau sembilan (9) bulan cuti sabatikal tersebut tidak digunakan, dan tiada permohonan penangguhan dibuat, maka cuti sabatikal tersebut akan luput.

(3) Sekiranya seorang guru mempunyai rekod tatatertib, kelulusan permohonan cuti sabatikal adalah di atas budi bicara pihak berkuasa Universiti.

#### **Tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira**

5. (1) Walau apapun yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini, tempoh perkhidmatan tidak akan diambil kira sekiranya staf itu:—

- (a) cuti belajar;
- (b) cuti menghadiri program di bawah mana-mana skim latihan;
- (c) cuti tanpa gaji;
- (d) cuti separuh gaji;
- (e) tahanan kerja atau penggantungan di bawah mana-mana kaedah tatatertib Universiti; atau
- (f) tahanan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah atau tahanan kerana keselamatan.

#### **Permohonan Cuti Sabatikal**

6. (1) Setiap permohonan hendaklah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti:

- (a) menyediakan kertas cadangan cuti sabatikal mengikut format yang telah ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa; dan

- (b) mengemukakan kertas Cadangan kepada pihak Universiti seperti mana yang ditetapkan di dalam Jadual 2 kepada Kaedah-Kaedah ini dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh genap masanya.

### **Kelulusan Cuti Sabatikal**

7. (1) Permohonan cuti sabatikal akan dipertimbangkan oleh Universiti seperti mana yang ditetapkan di dalam Jadual 2 kepada Kaedah-Kaedah ini dan pihak Universiti boleh untuk meminda, melulus, mengubah suai atau menolak permohonan.

(2) Bagi permohonan cuti sabatikal, Naib Canselor boleh meluluskan program yang akan dijalankan sepenuhnya di Malaysia sahaja atau di luar negara sahaja atau di dalam Malaysia dan luar negara, dengan syarat-syarat berikut:

- (a) guru itu tidak berhak dibayar dan tidak boleh dibayar apa-apa perbelanjaan perjalanan; dan
- (b) guru itu tidak berhak dibayar elaun sara hidup tempatan atau elaun-elaun lain.

### **Penangguhan Cuti Sabatikal atas sebab peribadi**

8. (1) Seseorang guru boleh memohon penangguhan cuti sabatikalnya ke suatu tarikh tidak melebihi daripada dua belas (12) bulan selepas Tarikh Genap Masa atas sebab-sebab peribadi.

(2) Permohonan penangguhan cuti sabatikal hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Universiti seperti mana yang ditetapkan di dalam Jadual 2 kepada Kaedah-Kaedah ini.

(3) Cuti sabatikal tambahan tidak boleh diberikan berkenaan dengan apa-apa tempoh tangguhan yang diluluskan di bawah subkaedah (1), dan tempoh tangguhan tersebut tidak boleh diambil kira sebagai tempoh perkhidmatan yang dihitungkan dalam subkaedah 3(1)(a) atau (b), bagi maksud menentukan kelayakan tempoh cuti sabatikal yang kemudiannya bagi guru itu.

### **Penangguhan Cuti Sabatikal atas sebab keperluan perkhidmatan**

9. (1) Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, mengarahkan seseorang guru untuk menangguhkan pengambilan cuti sabatikal berdasarkan pada Jadual 2 kepada Kaedah-Kaedah ini atas sebab-sebab keperluan perkhidmatan:

Dengan syarat bahawa penangguhan itu tidak melebihi tiga puluh enam (36) bulan selepas Tarikh Genap Masa atau tarikh yang cuti sabatikal itu mungkin telah ditangguhkan di bawah kaedah 8(1).

**Peluputan Cuti Sabatikal**

10. (1) Jika seseorang guru tidak mengambil cuti sabatikalnya pada Tarikh Genap Masa atau pada tarikh cuti sabatikal itu ditangguhkan di bawah kaedah 8 atau 9, maka cuti sabatikal itu hendaklah disifatkan lupa.

(2) Cuti sabatikal yang telah diberikan kepada seseorang guru akan dikira sebagai telah digunakan sepenuhnya walaupun cuti sabatikal yang digunakan adalah kurang daripada tempoh kelayakan maksimum yang diberikan, tidak kira sama ada pemberian cuti sabatikal bagi tempoh yang kurang itu telah dibuat berikutan permohonannya sendiri atau atas kehendak Naib Canselor.

**BAHAGIAN III****KEMUDAHAN DAN FAEDAH****Emolumen dalam Cuti Sabatikal**

11. (1) Seseorang guru yang telah diberi cuti sabatikal hendaklah dibayar emolumen bagi jawatan hakikinya sepanjang tempoh cuti tersebut kecuali bagi bayaran elaun-elaun yang dikecualikan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

(2) Pembayaran atau penghentian bagi elaun-elaun yang diterima oleh seseorang guru dalam tempoh cuti sabatikal adalah tertakluk kepada ketetapan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Universiti dan pekeliling Kerajaan.

**Bantuan kewangan daripada Universiti**

12. Sebarang bentuk bantuan kewangan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Pihak Berkuasa Universiti yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa.

**Bantuan kewangan lain**

13. (1) Permohonan untuk mendapatkan bantuan kewangan atau apa-apa bentuk bantuan lain yang berharga dari mana-mana punca lain selain daripada Universiti bagi program cuti sabatikal hendaklah dibuat oleh guru hanya dengan kelulusan Naib Canselor.

(2) Jika seseorang guru menerima apa-apa bantuan kewangan atau apa-apa bentuk bantuan lain yang berharga dari mana-mana punca lain selain daripada Universiti bagi program cuti sabatikal, kecuali permohonan yang dibuat olehnya di bawah subkaedah (1) di atas, guru itu hendaklah melaporkan kepada Naib Canselor tentang bantuan yang diterima.

(3) Jika seseorang guru menerima apa-apa bantuan kewangan atau apa-apa bentuk bantuan lain yang berharga bagi program cuti sabatikal dari mana-mana punca lain selain daripada Universiti, sebarang bentuk bantuan kewangan yang diberikan di bawah kaedah 12 boleh dikurangkan hingga setakat dan mengikut apa-apa cara yang diputuskan oleh Naib Canselor.

## BAHAGIAN IV

## SYARAT-SYARAT LAIN

**Laporan program Cuti Sabatikal**

14. (1) Seseorang guru yang telah menjalani cuti sabatikal, hendaklah mengemukakan satu (1) laporan mengenai kerja yang telah dijalankan olehnya di bawah program cuti sabatikal tersebut kepada Jabatan Sumber Manusia dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas guru tersebut kembali dari cuti sabatikal.

(2) Seseorang guru yang tidak mengemukakan laporan dalam tempoh yang ditetapkan dalam subkaedah (1) atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberi oleh Jabatan Sumber Manusia mengikut budi bicaranya, apabila permohonan cuti sabatikal dibuat oleh guru itu, permohonan tersebut tidak boleh diberi pertimbangan untuk mendapat apa-apa cuti sabatikal di masa akan datang.

**Perjanjian Cuti Sabatikal**

15. (1) Pemberian cuti sabatikal kepada seseorang guru adalah tertakluk kepada syarat bahawa guru itu hendaklah melaksanakan suatu perjanjian dengan dua (2) orang penjamin yang boleh diterima oleh Naib Canselor, mengakujanji akan berkhidmat di Universiti selama tempoh:

- (a) dua belas (12) bulan dari tarikh ia melaporkan diri untuk bertugas sekembalinya dari cuti sabatikal jika cuti itu diambil sebaik sahaja genap tiga (3) tahun perkhidmatan; atau
- (b) dua puluh empat (24) bulan dari tarikh ia melaporkan diri untuk bertugas sekembalinya dari cuti sabatikal, jika cuti itu diambil sebaik sahaja genap lima (5) tahun perkhidmatan.

**Cuti rehat dalam Cuti Sabatikal**

16. (1) Cuti rehat yang dikumpulkan oleh seseorang guru sebelum memulakan cuti sabatikal, adalah dianggap luput mulai dari tarikh guru tersebut memulakan cuti sabatikal itu.

(2) Guru yang diluluskan cuti sabatikal ke luar negara untuk keseluruhan tempoh sembilan (9) bulan secara berterusan boleh memohon maksimum empat belas (14) hari baki cuti rehat untuk digunakan selepas tamat cuti sabatikal.

**Melepaskan jawatan pentadbiran**

17. Seseorang guru hendaklah melepaskan jawatan pentadbiran yang dipegang olehnya sepanjang tempoh cuti sabatikal berkuat kuasa mulai daripada tarikh cuti sabatikal yang diambil.

**Pekerjaan lain**

18. Seseorang guru dalam perkhidmatan Universiti yang sedang dalam cuti sabatikal tidak dibenarkan menjalankan apa-apa pekerjaan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti untuk mendapatkan apa-apa keuntungan dari mana-mana punca lain selain daripada Universiti tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Naib Canselor.

**Tatatertib**

19. Semasa cuti sabatikal, seseorang guru masih berada di bawah kawalan dan penyeliaan tatatertib pihak berkuasa yang berkenaan di Universiti. Guru tersebut hendaklah menunjukkan kelakuan yang bersesuaian dengan tanggungjawabnya kepada Universiti dan Kerajaan Malaysia, dan hendaklah tertakluk kepada semua peruntukan dan tatacara tatatertib yang dipakai bagi kakitangan Universiti.

**Penamatian Cuti Sabatikal**

20. Universiti berhak menamatkan cuti sabatikal seseorang guru mengikut syarat dan terma perjanjian yang dilaksanakan di bawah kaedah 15.

**Pengecualian pemakaian**

21. Walau apa pun yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini yang dibuat di bawahnya, Lembaga boleh memberi pengecualian pemakaian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

**Pemberian Cuti Sabatikal mengikut budi bicara Naib Canselor**

22. Pemberian cuti sabatikal di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah mengikut budi bicara Naib Canselor yang mana, apabila menimbangkan sesuatu permohonan atau golongan permohonan tertentu untuk cuti sabatikal, atau apabila menimbangkan secara am dalam sesuatu tempoh tertentu permohonan- permohonan untuk cuti sabatikal, hendaklah mengambil perhatian tentang desakan perkhidmatan, implikasi kewangan yang terlibat dan kepentingan Universiti pada keseluruhannya atau dalam sesuatu hal tertentu.

**Pembatalan statut**

23. Statut XXII - Statut Universiti Malaya (Cuti Sabatikal) 1981 [P.U. 397/81] dibatalkan.

Dibuat 27 Disember 2024.

TAN SRI ZARINAH ANWAR  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pengarah*  
*Universiti Malaya*

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

14hb Jan. 2025]

747

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (CUTI SABATIKAL) 2024

### JADUAL 1 (Kaedah 3)

#### KELAYAKAN TEMPOH CUTI SABATIKAL

Kelayakan tempoh cuti sabatikal berdasarkan kumpulan guru adalah seperti berikut:

Tempoh Perkhidmatan	Tempoh Kelayakan Cuti Sabatikal
Tiga (3) tahun	Lima (5) bulan
Lima (5) tahun	Sembilan (9) bulan

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (CUTI SABATIKAL) 2024

### JADUAL 2 (Kaedah 6, Kaedah 7, Kaedah 8 dan Kaedah 9)

#### PERMOHONAN DAN PENANGGUHAN CUTI SABATIKAL

Permohonan dan penangguhan cuti sabatikal berdasarkan kumpulan guru adalah seperti berikut:

Kumpulan Staf	Permohonan kepada	Kelulusan Permohonan Cuti Sabatikal	Kelulusan Permohonan Penangguhan Cuti Sabatikal
Kakitangan Akademik	Ketua Jabatan dan/ atau Dekan Fakulti	Timbalan Naib Canselor yang berkenaan	Timbalan Naib Canselor yang berkenaan
Dekan dan/atau Ketua Pengarah	Timbalan Naib Canselor yang berkenaan	Naib Canselor	Naib Canselor

No. 941.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR) 2024

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PEMERIKSAAN DOKTOR

3. Pemeriksaan doktor bagi seseorang yang memohon masuk sebagai pelajar Universiti
4. Pemeriksaan doktor berkala

BAHAGIAN III

SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR

5. Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar
6. Ahli Skim
7. Bayaran
8. Pelajar terhenti atau digantung daripada menjadi ahli
9. Klinik Kesihatan Pelajar
10. Unit Kesihatan Pergigian Pelajar
11. Faedah di bawah Skim

Kaedah

12. Faedah-faedah dan syarat-syarat masuk hospital
13. Kos alat-alat perubatan, surgikal atau pergigian tidak kena dibayar di bawah Skim
14. Rawatan di luar Malaysia
15. Pelajar-pelajar bukan ahli dan pelajar-pelajar universiti-universiti lain
16. Pembatalan

JADUAL A

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“ahli” ertiannya seseorang pelajar Universiti yang berkelayakan menjadi ahli Skim dan yang telah membayar Yuran Kesihatan yang ditetapkan termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran caruman Skim ini;

“Borang Pemeriksaan Perubatan” ertiannya borang pemeriksaan Perubatan yang dikeluarkan oleh Universiti;

“Doktor Kesihatan Pelajar” ertiannya Doktor Perubatan bagi Klinik Kesihatan Universiti Malaya;

“Hospital Pengajar Universiti” ertiannya Hospital Pengajar Universiti bagi Universiti-Universiti Awam;

“Klinik” ertiannya Klinik Kesihatan Universiti Malaya yang ditubuhkan di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“Klinik Pergigian” ertiannya Klinik Pergigian Staf dan Mahasiswa UM yang ditubuhkan di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“Naib Canselor” ertiannya Naib Canselor Universiti;

“pelajar” ertiannya seseorang pelajar tempatan yang mengikuti pengajian sepenuh masa atau separuh masa di Universiti;

“sesi akademik” ertinya tempoh pengajian sesuatu program Akademik yang terdiri daripada 2 semester biasa dan semester khas yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Naib Canselor dan termasuklah tempoh-tempoh Latihan Industri dan kerja klinik yang menjadi sebahagian daripada kursus pengajian bagi seseorang pelajar;

“semester biasa” ertinya semester I atau semester II seperti mana yang dinyatakan di dalam Kalendar Pengajian;

“semester khas” ertinya semester yang tempohnya lebih pendek daripada semester biasa dan diadakan selepas semester II;

“Skim” ertinya Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar yang ditubuhkan di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“tahun akademik” ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa;

“tempoh cuti semester” ertinya tempoh cuti semester seperti yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa; dan

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

## BAHAGIAN II

### PEMERIKSAAN DOKTOR

#### **Pemeriksaan doktor bagi seseorang yang memohon masuk sebagai pelajar Universiti**

3. (1) Jika seseorang telah ditawarkan masuk sebagai pelajar Universiti, maka tawaran kemasukan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan kaedah ini.

(2) Seseorang yang ditawarkan masuk sebagai pelajar Universiti hendaklah:

- (a) diperiksa oleh seorang pengamal perubatan berdaftar dengan perbelanjaan sendiri, dan;
- (b) mengemukakan suatu Borang Pemeriksaan Perubatan yang telah diisi dan ditandatangani dengan sewajarnya dan juga pemeriksaan lain yang berkaitan kepada Doktor Kesihatan Pelajar.

(3) Seseorang hanya boleh diterima masuk sebagai pelajar Universiti sekiranya Doktor Kesihatan Pelajar memperakui, selepas menimbangkan Borang Pemeriksaan Perubatan bahawa:

- (a) beliau mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit; atau
- (b) beliau tidak mempunyai apa-apa kecacatan anggota yang boleh mengganggu pengajiannya di Universiti.

(4) Walau bagaimanapun, sekiranya Doktor Kesihatan Pelajar berpendapat bahawa kesihatan atau kecacatan orang tersebut tidak akan mengganggu pengajiannya di Universiti, Doktor Kesihatan Pelajar boleh memperakui dan mengesyorkan orang tersebut diterima masuk sebagai pelajar kepada Naib Canselor tertakluk kepada apa-apa syarat, jika ada, dari semasa ke semasa.

### **Pemeriksaan doktor berkala**

4. Tiap-tiap pelajar hendaklah mengemukakan dirinya untuk apa-apa pemeriksaan kesihatan yang difikirkan perlu oleh Doktor Kesihatan Pelajar pada bila-bila masa.

## BAHAGIAN III

### SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR

#### **Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar**

5. Adalah dengan ini ditubuhkan di Universiti suatu Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar yang akan ditadbir oleh Doktor Kesihatan Pelajar.

#### **Ahli Skim**

6. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), tiap-tiap pelajar yang berkelayakan hendaklah menyertai Skim ini.

(2) Seseorang pelajar yang diterima masuk ke dalam Universiti di bawah subkaedah 3(4) tidak berhak diterima menjadi ahli Skim ini, kecuali dengan budi bicara Naib Canselor, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) beliau hendaklah menjalani apa-apa pemeriksaan perubatan pelajar baharu yang dikehendaki oleh Doktor Kesihatan Pelajar atas perbelanjaannya sendiri;
- (b) beliau membayar sepenuhnya kos apa-apa rawatan atau perbelanjaan semasa dalam hospital, melainkan jika Doktor Kesihatan Pelajar memutuskan selainnya; dan
- (c) beliau memenuhi atau mematuhi apa-apa syarat yang difikirkan perlu dikenakan ke atasnya oleh Doktor Kesihatan Pelajar berkenaan dengan keadaan kesihatan atau kecacatan anggotanya.

#### **Bayaran**

7. Tiap-tiap pelajar hendaklah membayar Yuran Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar mengikut kadar yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

**Pelajar terhenti atau digantung daripada menjadi ahli**

8. (1) Seseorang pelajar adalah terhenti menjadi ahli Skim ini apabila disiarkan atau diberitahu akan keputusan peperiksaan bagi sesuatu sesi akademik bahawa—

- (a) pelajar itu telah lulus peperiksaan semester akhirnya;
- (b) pelajar itu gagal dalam peperiksaan semester dan tidak dibenarkan mengulang kursus pengajiannya dalam semester yang berikutnya;
- (c) menarik diri atau menangguhkan diri daripada program pengajiannya; atau
- (d) ditamatkan daripada program pengajiannya.

(2) Jika seseorang ahli digantung daripada menjadi pelajar Universiti, beliau hendaklah juga digantung daripada menjadi ahli Skim ini.

**Klinik Kesihatan Pelajar**

9. (1) Maka hendaklah ditubuhkan di bawah Skim ini suatu Klinik di dalam kampus Universiti, yang akan dibuka kepada ahli mengikut masa operasi yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

(2) Tiada apa-apa rawatan perubatan di mana-mana tempat di luar Klinik boleh diadakan di bawah Skim ini, melainkan jika diarahkan oleh Doktor Kesihatan Pelajar dalam sesuatu hal tertentu.

(3) Seseorang ahli yang memerlukan rawatan perubatan dengan segera, pada masa Klinik tidak beroperasi atau sekiranya ahli berada di luar kawasan Klinik, ahli boleh mendapatkannya dari Hospital Pengajar Universiti atau dari Hospital Kerajaan yang berhampiran sekali dengan mengumukakan inbois rawatan.

**Unit Kesihatan Pergigian Pelajar**

10. Maka hendaklah ditubuhkan di bawah Skim ini sebuah Klinik Pergigian.

**Faedah di bawah Skim**

11. (1) Seseorang ahli adalah berhak mendapat faedah-faedah yang berikut di bawah Skim ini dalam sesuatu sesi akademik:

- (a) perundingan di Klinik dan rawatan yang ditentukan dan diberi di Klinik;
- (b) rawatan asas pergigian, iaitu, mencabut gigi, menampal gigi dan menanggalkan kotoran gigi secara biasa di Klinik Pergigian;

- (c) apa-apa rujukan kepada doktor pakar untuk perundingan dan rawatan yang ditentukan oleh Doktor Kesihatan Pelajar; dan
- (d) faedah-faedah masuk hospital sebagaimana yang ditetapkan dalam kaedah 12.

(2) Seseorang ahli adalah berhak mendapat faedah-faedah yang berikut di bawah Skim ini dalam masa mana-mana tempoh cuti semester:

- (a) rawatan pesakit luar di Klinik; dan
- (b) rawatan asas pergigian sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan (1)(b) di Klinik Pergigian.

### **Faedah-faedah dan syarat-syarat masuk hospital**

12. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah ini, seseorang ahli yang dimasukkan ke dalam Hospital Pengajar Universiti atau Hospital Kerajaan adalah berhak di bawah Skim ini mendapat faedah-faedah masuk hospital yang terhad kepada bayaran wad dan bayaran hospital sahaja mengikut kadar yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa selama tidak lebih daripada dua puluh satu (21) hari masuk hospital dalam sesuatu tahun akademik.

(2) Kecuali dalam sesuatu kecemasan, seseorang ahli yang hendak masuk ke Hospital Pengajar Universiti atau Hospital Kerajaan di bawah Skim ini hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Doktor Kesihatan Pelajar.

(3) Seseorang ahli perlu mendapatkan Surat Jaminan daripada Klinik dalam tempoh satu (1) minggu sebelum membuat rawatan susulan di mana-mana Hospital Pengajar Universiti atau Hospital Kerajaan.

(4) Jika seseorang ahli dimasukkan ke Hospital Pengajar Universiti atau Hospital Kerajaan bagi tempoh melebihi dua puluh satu (21) hari dalam sesuatu tahun akademik, Naib Canselor boleh, atas syor Doktor Kesihatan Pelajar, memanggil bersidang suatu Lembaga Perubatan yang terdiri daripada (i) Doktor Kesihatan Pelajar; dan (ii) Dekan Fakulti Perubatan Universiti atau wakilnya, untuk:

- (a) menyiasat penyakit ahli itu; dan
- (b) menentukan sama ada ahli itu patut diberi faedah-faedah masuk hospital bagi tempoh melebihi dua puluh satu (21) hari tetapi tidak melebihi enam puluh (60) hari (“Tempoh Lebih”), dan jika patut, menentukan Tempoh Lebih itu.

(5) Sekiranya Lembaga Perubatan ini menentukan Tempoh Lebih itu, maka faedah-faedah itu hendaklah diberi dengan sewajarnya di bawah kaedah ini bagi Tempoh Lebih yang ditentukan itu, dengan syarat:

- (a) apa-apa Tempoh Lebih yang ditentukan itu tidak boleh melebihi enam puluh (60) hari dalam sesuatu tahun akademik; dan
- (b) Lembaga Perubatan perlu bersidang dan menyiasat penyakit ahli itu untuk menentukan sama ada ahli itu patut diberi faedah-faedah masuk hospital bagi suatu Tempoh Lebih melebihi enam puluh (60) hari itu.

(6) Seseorang ahli itu berhak mendapat faedah-faedah masuk hospital yang diperuntukkan di bawah kaedah ini atau apa-apa jua faedah masuk hospital yang lain dalam sesuatu tempoh cuti semester.

(7) Jika seseorang ahli dimasukkan ke mana-mana hospital selain daripada Hospital Pengajar Universiti atau Hospital Kerajaan, beliau tidak berhak mendapat apa-apa bayaran atau faedah di bawah Skim ini.

**Kos alat-alat perubatan, surgikal atau pergigian tidak kena dibayar di bawah Skim**

13. Ahli hendaklah bertanggungjawab membayar apa-apa kos dan caj termasuk tetapi tidak terhad kepada alat perubatan, surgikal atau pergigian seperti yang disenaraikan di dalam Jadual A Kaedah-Kaedah ini.

**Rawatan di luar Malaysia**

14. Skim ini tidak terpakai bagi apa-apa rawatan perubatan atau pergigian, atau masuk hospital seseorang ahli yang berlaku di luar Malaysia, tidak kira sama ada ahli itu berada di luar Malaysia atas kehendak Universiti atau selainnya.

**Pelajar-pelajar bukan ahli dan pelajar-pelajar universiti-universiti lain**

15. Naib Canselor boleh, menurut budi bicaranya, membenarkan seseorang pelajar yang bukan ahli atau seseorang pelajar mana-mana universiti lain, menggunakan kemudahan-kemudahan Skim ini dengan membayar apa-apa bayaran atau caj, dan atas apa-apa syarat yang ditentukan oleh Naib Canselor.

**Pembatalan**

16. Akta XLV - Universiti Malaya (Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar) 1977 [P.U. (B) 511/77] dan Kaedah-Kaedah (Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar) 2003 dibatalkan.

Dibuat 27 Disember 2024.

TAN SRI ZARINAH ANWAR  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pengarah*  
*Universiti Malaya*

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
 (SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR) 2024**

**JADUAL A  
 (Kaedah 13)**

**KOS PERBELANJAAN YANG TIDAK DITANGGUNG**

No.	Jenis
1.	Kos bagi pemeriksaan dan rawatan kehamilan serta komplikasinya, rawatan bersalin, pemeriksaan kemandulan dan perancang keluarga.
2.	Kos bagi rawatan dan pembedahan kosmetik atau estetik.
3.	Kos bagi pemindahan organ, pemindahan <i>bone marrow</i> atau rawatan dialisis.
4.	Kos bagi pengambilan ubat-ubatan khas (iaitu ubat yang perlu dibeli di farmasi luar contoh Farmasi PharmUMMC atau lain-lain farmasi).
5.	Kos bagi pembelian ubat-ubatan yang memerlukan sebut harga khas contoh pembelian ubat-ubatan HIV, Psikiatri, Hepatitis dan lain-lain ubat yang berkaitan.
6.	Kos bagi rawatan atau prosedur yang memerlukan sebutuharga khas contoh rawatan kemoterapi.
7.	Kos yang melibatkan pemeriksaan, rawatan dan ujian makmal bagi tujuan penyelidikan.
8.	Kos bagi pemeriksaan imbasan CT atau imbasan MRI di CIGMIT PPUM.
9.	Kos bagi gigi palsu, pendakap gigi, alat dengar, tongkat ketiak, tuap, alat ortopedik, kerusi roda, <i>crutches</i> atau apa-apa jua alat perubatan, surgikal atau perggigian.

No. 942.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(PAKAIAN RASMI DAN AKADEMIK) 2024

SUSUNAN KAEDAH

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN I

PAKAIAN RASMI

3. Canselor
4. Pro-Canselor
5. Naib Canselor
6. Timbalan Naib Canselor
7. Penolong Naib Canselor
8. Pengerusi Lembaga Pengarah
9. Ahli Lembaga Pengarah
10. Pendaftar, Bendahari, Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang
11. Bentara (Pembawa Cokmar Canselor)

BAHAGIAN II

PAKAIAN AKADEMIK

12. Warna Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut
13. Gaun

Kaedah

14. Hud
15. Mortabod
16. Bonnet

BAHAGIAN III

PEMBATALAN

17. Pembatalan

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

KaedaH-Kaedah Universiti Malaya  
(Pakaian Rasmi dan Akaademik) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah berikut:

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Pakaian Rasmi dan Akademik) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Graduan” bermaksud pelajar yang telah diluluskan untuk bergraduat dan sebelum dianugerahkan skrol akademik; dan

“Universiti” bermaksud Universiti Malaya.

## BAHAGIAN I

## PAKAIAN RASMI

**Canselor**

3. (1) Jubah berwarna biru tua berkollar songket hitam dengan permukaan lebar dan bersulamkan benang berwarna emas: bahagian hadapan, tepi lengan dan bawah jubah yang dihiasi dengan songket yang sama.

(2) Mortabod: Topi segi empat daripada kain baldu berwarna hitam dengan rumbai dan butang berwarna emas; topi dihiasi dengan songket yang sama seperti yang digunakan pada jubah.

**Pro-Canselor**

4. (1) Jubah berwarna biru tua berkollar songket biru dengan permukaan lebar dan bersulamkan benang berwarna emas: bahagian hadapan, tepi lengan dan bawah jubah yang dihiasi dengan songket yang sama.

(2) Mortabod: Topi segi empat daripada kain baldu berwarna hitam dengan rumbai dan butang berwarna emas; topi dihiasi dengan songket yang sama seperti yang digunakan pada jubah.

**Naib Canselor**

5. (1) Jubah berwarna biru tua berkolar songket biru langit dengan permukaan lebar dan bersulamkan benang berwarna emas: bahagian hadapan, tepi lengan dan bawah jubah yang dihiasi dengan songket yang sama.

(2) Mortabod: Topi segi empat daripada kain baldu berwarna hitam dengan rumbai berwarna hitam dan butang berwarna emas; topi dihiasi dengan songket yang sama seperti yang digunakan pada jubah.

**Timbalan Naib Canselor**

6. (1) Jubah berwarna biru tua berkolar songket dengan permukaan lebar sama seperti yang digunakan pada jubah Naib Canselor: bahagian hadapan, tepi lengan dan bawah jubah yang dihiasi dengan songket yang sama kecuali lebar hiasan songket di lengan dan bahagian bawah jubah adalah separuh daripada lebar hiasan songket di lengan dan bahagian bawah jubah Naib Canselor.

(2) Mortabod: Topi segi empat daripada kain baldu berwarna hitam dengan rumbai berwarna hitam; topi dihiasi dengan songket yang sama seperti yang digunakan pada jubah.

**Penolong Naib Canselor**

7. (1) Jubah berwarna biru tua berkolar songket dengan permukaan lebar sama seperti yang digunakan pada jubah Timbalan Naib Canselor: bahagian hadapan, tepi lengan dan bawah jubah yang dihiasi dengan songket yang sama.

(2) Mortabod: Topi segi empat daripada kain baldu berwarna hitam dengan rumbai berwarna hitam; topi dihiasi dengan songket yang sama seperti yang digunakan pada jubah.

**Pengerusi Lembaga Pengarah**

8. (1) Jubah berwarna biru tua berkolar songket berwarna *lavender* dengan permukaan lebar dan bersulamkan benang berwarna emas: bahagian hadapan, tepi lengan dan bawah jubah yang dihiasi dengan songket yang sama.

(2) Mortabod: Topi segi empat daripada kain baldu berwarna hitam dengan rumbai berwarna hitam; topi dihiasi dengan songket yang sama seperti yang digunakan pada jubah.

**Ahli Lembaga Pengarah**

9. (1) Jubah berwarna biru tua; bahagian hadapan, tepi lengan dan bawah jubah yang dihiasi dengan songket biru bersulamkan benang berwarna emas.

(2) Mortabod: Topi segi empat daripada kain baldu berwarna hitam dengan rumbai berwarna hitam; topi dihiasi dengan songket yang sama seperti yang digunakan pada jubah.

**Pendaftar, Bendahari, Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang**

10. (1) Jubah berwarna biru tua; bahagian hadapan, tepi lengan dan bawah jubah yang dihiasi dengan songket biru langit bersulamkan benang berwarna emas.

(2) Mortabod: Topi segi empat daripada kain baldu berwarna hitam dengan rumbai berwarna hitam; topi dihiasi dengan songket yang sama seperti yang digunakan pada jubah.

**Bentara (Pembawa Cokmar Canselor)**

11. (1) Jubah berwarna biru tua; bahagian hadapan, tepi lengan dan bawah jubah yang dihiasi dengan songket berwarna *lilac* bersulamkan benang berwarna emas.

(2) Mortabod: Topi segi empat daripada kain baldu berwarna hitam dengan rumbai berwarna hitam; topi dihiasi dengan songket yang sama seperti yang digunakan pada jubah.

## BAHAGIAN II

## PAKAIAN AKADEMIK

**Warna Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut**

12. Pakaian akademik Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut hendaklah seperti yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

**Gaun**

13. (1) Semua graduan Sarjana Muda layak memakai gaun bertali biru tua atau *poplin* yang sama dengan gaun akademik Sarjana Muda Sastera Universiti Oxford yang mempunyai hujung lengan yang tirus dengan bahagian bawah lengan digulungkan ke atas dan dibutangkan di luar baju dengan tali berjalin.

(2) Semua graduan Sarjana layak memakai gaun bertali biru tua atau *poplin* yang sama dengan gaun akademik Sarjana Sastera Universiti Oxford, dengan butang dan tali berjalin pada *yoke* di bahagian belakang gaun. Lengan pemakai keluar daripada bahagian lengan gaun di paras siku dengan berpakaian lengan panjang bertutup.

(3) Semua graduan Ijazah Kedoktoran layak memakai jubah bertali biru tua atau *poplin* yang sama seperti D.Phil. Oxford, lengannya diperbuat daripada sutera atau *poplin* hijau muda dan bahagian hadapan gaun menggunakan kain yang sama pada lengan selebar 13 sentimeter.

(4) Semua graduan Diploma Lepasan Ijazah layak memakai gaun biru tua dengan jalur memanjang mengikut warna Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, di bahagian hadapan kiri dan kanan gaun. Lengan gaun lebar bergaris dua jalur bulat, mengikut warna Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

(5) Semua graduan Diploma Lanjutan layak memakai gaun biru tua dengan jalur memanjang berwarna *mustard*, di bahagian hadapan kiri dan kanan gaun. Lengan gaun lebar bergaris dua jalur bulat berwarna *mustard*.

(6) Semua graduan Diploma layak memakai gaun biru tua dengan jalur memanjang berwarna *mustard*, di bahagian hadapan kiri dan kanan gaun. Lengan gaun lebar bergaris satu jalur bulat berwarna *mustard*.

(7) Semua graduan Diploma Eksekutif layak memakai gaun biru tua dengan jalur memanjang berwarna *mustard*, di bahagian hadapan kiri dan kanan gaun. Lengan gaun lebar bergaris satu jalur bulat berwarna *mustard*.

### **Hud**

14. (1) Semua graduan Sarjana Muda layak memakai hud bertali biru tua atau *poplin* yang berlapis sepenuhnya dengan sutera mengikut warna Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang sama bentuk dengan hud Oxford M.A. Burgon yang telah ditambah baik.

(2) Semua graduan Sarjana layak memakai hud bertali biru tua atau *poplin* yang berlapis sepenuhnya dengan sutera mengikut warna Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang sama bentuk dengan *London Hoods*, dan dipakai bersama *cape* berbentuk bulat.

(3) Semua graduan Ijazah Kedoktoran layak memakai hud bertali biru tua atau *poplin* yang berlapis sepenuhnya dengan sutera hijau muda selebar 2.5 sentimeter di bahagian tepi sekeliling *cape* dan hud mengikut warna Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut di mana ijazah diambil dan sama bentuk seperti Doktor Oxford.

### **Mortabod**

15. Semua Graduan hendaklah memakai topi segi empat berbentuk mortabod berkain hitam dengan rumbai berwarna hitam.

### **Bonnet**

16. Semua graduan Ijazah Kedoktoran hendaklah memakai topi bulat berkain hitam, dengan tali dan rumbai mengikut warna Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut di mana ijazah diambil.

BAHAGIAN III

PEMBATALAN

17. Statut XXI - Official and Academic Dress [P.U. 425/64] dibatalkan.

Dibuat 27 Disember 2024.

TAN SRI ZARINAH ANWAR

*Pengerusi*

*Lembaga Pengarah*

*Universiti Malaya*



UNIVERSITI  
MALAYA

UNIVERSITI MALAYA  
LEMBAH PANTAI  
50603 KUALA LUMPUR

DICETAK OLEH  
PENERBIT UNIVERSITI MALAYA